

## PELAN PELAKSANAAN DASAR


kajian separuh penggal

# RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

2016-2020

---

keutamaan dan penekanan baharu







# Rukun Negara

Bahawasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita  
hendak;

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh  
masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran  
negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

membina satu masyarakat progresif yang akan  
menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan  
menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami  
untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan  
atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA  
TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA  
DAN NEGARA

KELUHURAN  
PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-  
UNDANG

KESOPANAN DAN  
KESUSILAAN

ISBN 978-967-5842-15-3



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Setiausaha  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
Blok B5 & B6  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Putrajaya  
MALAYSIA

Laman web: <http://www.epu.gov.my>  
Emel: [epu@epu.gov.my](mailto:epu@epu.gov.my)

Tel.: 603-8000 8000  
Faks: 603-8888 3755

Dikeluarkan pada 17 Disember 2018

Hak Cipta Terpelihara ©

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Malaysia.

Dicetak Oleh  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Kuala Lumpur, 2018



Website: [www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
Emel: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 603-9236 6895  
Faks: 603-9222 4773

PELAN PELAKSANAAN DASAR

kajian separuh penggal  
**RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS**  
**2016-2020**

keutamaan dan penekanan baharu



// Pelan Pelaksanaan  
Dasar (PPD) Kajian  
Separuh Penggal  
Rancangan Malaysia  
Kesebelas  
(KSP RMKe-11)  
menyediakan  
panduan tindakan  
yang perlu  
dilaksanakan oleh  
agensi dalam  
melonjakkan  
pertumbuhan  
ekonomi serta  
mencapai  
pembangunan  
inklusif. //

# PRAKATA

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), 2016-2020: Keutamaan dan Penekanan Baharu merupakan pelan pembangunan komprehensif yang meliputi pelbagai aspek termasuk integriti dan tadbir urus institusi Kerajaan serta aspek ekonomi, sosial dan alam sekitar. KSP RMKe-11 juga telah menggariskan penambahbaikan dan pengukuhan agenda pembangunan negara ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020, sekali gus membolehkan negara keluar dari perangkap negara berpendapatan sederhana (*middle-income trap*). Pencapaian ini juga harus diiringi dengan keseimbangan pengagihan pembangunan merentas negeri dan kumpulan pendapatan serta peningkatan kuasa beli rakyat secara keseluruhan.


Namun, pelan pembangunan hanya akan tinggal rancangan sekiranya tidak dilaksanakan. Kejayaan 19 bidang keutamaan dan 66 strategi yang digariskan di bawah enam (6) Tonggak KSP RMKe-11 bergantung kepada kecekapan, keberkesanan dan keselarasan pelaksanaan strategi dan inisiatif oleh kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) KSP RMKe-11 menyediakan panduan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi serta mencapai pembangunan inklusif. Dokumen PPD ini mengupas kenyataan dasar yang terkandung dalam KSP RMKe-11 yang perlu diterjemah dan dilaksanakan oleh agensi berkenaan.

Dokumen PPD ini disediakan sebagai usaha memastikan dasar, strategi dan inisiatif yang telah digariskan dalam KSP RMKe-11 dilaksana dan dipantau secara terperinci supaya dapat mencapai sasaran dalam tempoh masa yang ditetapkan. Dalam hal ini, dokumen ini menggariskan secara terperinci tindakan yang perlu diambil dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan outcome nasional tercapai menjelang 2020. Di samping itu, dokumen ini juga dapat membantu pihak kementerian dan agensi berkenaan untuk menjajarkan penilaian prestasi tahunan masing-masing sekali gus mengukur pencapaian prestasi seperti mana yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, prinsip tadbir urus yang baik, institusi yang mantap serta kecekapan, integriti dan akauntabiliti yang lebih tinggi perlu diberi penekanan bagi mengelak ketirisan, pembaziran dan memastikan penggunaan sumber yang cekap dan optimum. Pada masa yang sama, PPD KSP RMKe-11 ini juga perlu disusuli dengan perekayasaan, pendekatan dan pengurusan proses kerja yang kreatif dan inovatif dengan semangat berpasukan yang kukuh bagi memastikan pencapaian outcome nasional yang ditetapkan.

Saya yakin dokumen PPD ini dapat menjadi panduan lengkap untuk memastikan manfaat pembangunan yang dirancang dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu, marilah kita bersama-sama merealisasikan keutamaan dan penekanan baharu yang direncanakan di bawah KSP RMKe-11 demi kesejahteraan rakyat dan negara.



**DATUK SERI DR. ISMAIL BIN HAJI BAKAR**  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
30 NOVEMBER 2018

# Isi Kandungan

<b>Prakata Ketua Setiausaha Negara</b>	<b>v</b>
<b>Pendahuluan</b>	<b>P-1</b>
	
<b>Bidang Keutamaan A:</b>	
Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat	1-2
Melaksana Pengasingan Kuasa antara Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman untuk Mengelakkan Pemusatan Kuasa dalam Cabang Kerajaan yang Tertentu	1-3
● Memperkukuh Mekanisme Semak dan Imbang	1-3
● Menambah Baik Hubungan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan	1-4
● Mereformasi Sistem Politik	1-4
<b>Bidang Keutamaan B:</b>	
Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti	1-6
Melaksana Langkah Proaktif yang Lebih Tegas dan Teliti untuk Mengukuhkan Semula Komitmen Malaysia ke arah Memerangi Rasuah	1-7
● Memperkukuh Agenda Pencegahan Rasuah	1-7
● Meningkatkan Ketelusan	1-8
● Memupuk Nilai Murni dan Amalan Kerja Beretika	1-9
<b>Bidang Keutamaan C:</b>	
Menguatkuasakan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Awam Secara Berhemat	1-11
Melaksana Reformasi Pengurusan Kewangan Awam yang Berhemat ke arah Kerajaan yang Lebih Telus dan Bertanggungjawab	1-12
● Mempertingkatkan Sistem Belanjawan	1-12
● Menambah Baik Pengurusan Perolehan	1-13
● Memperkukuh Rangka Kerja Pengurusan Prestasi, Pemantauan dan Penilaian	1-14
<b>Bidang Keutamaan D:</b>	
Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam	1-16
Mengukuhkan Perkhidmatan Awam supaya Lebih Fleksibel, Inovatif dan Responsif untuk Menghadapi Cabaran Masa Hadapan	1-17
● Mereformasi Institusi Sektor Awam	1-17
● Memperkemas Semula Perkhidmatan yang Disediakan	1-20
● Memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan	1-22





## Tonggak II Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

### Bidang Keutamaan A:

Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama 2-2

Menangani Ketidaksamarataan Sosioekonomi bagi Menambah Baik Integrasi Sosial dan Menggalakkan Perpaduan yang Lebih Erat 2-3

- Meningkatkan Pendapatan dan Kuasa Beli Isi Rumah B40 2-3
- Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) 2-6
- Memperkasa Kumpulan Minoriti 2-12
- Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus 2-14

### Bidang Keutamaan B:

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat 2-17

Meningkatkan Kualiti Hidup bagi Kesejahteraan Rakyat yang Lebih Baik 2-18

- Meningkatkan Kuasa Beli Rakyat 2-18
- Menyediakan Perumahan Mampu Milik dan Berkualiti 2-20
- Memperkukuh Sistem Penyampaian Penjagaan Kesihatan 2-21
- Menjadikan Negara Lebih Selamat dan Terjamin 2-24
- Menggalakkan Nilai Murni dan Gaya Hidup Aktif 2-26



## Tonggak III Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

### Bidang Keutamaan A:

Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah 3-2

Mempercepat Pertumbuhan Ekonomi dan Menangani Ketidakseimbangan antara dan dalam Wilayah 3-3

- Memperkukuh dan Memperkemas Perancangan Pembangunan Negeri dan Wilayah 3-3
- Memoden dan Mempelbagai Asas Ekonomi 3-4
- Menggalakkan Bandar yang Berdaya Saing 3-6
- Memperkukuh Kerjasama Serantau ASEAN 3-7

### Bidang Keutamaan B:

Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar 3-8

Mengurangkan Ketidaksamaan Pembangunan antara Kawasan Bandar dan Luar Bandar dalam Setiap Negeri dan Wilayah 3-9

- Mempertingkatkan Infrastruktur Luar Bandar 3-9
- Menambah Baik Hubung Kait antara Bandar dan Luar Bandar 3-10
- Mewujudkan Aktiviti Ekonomi Setempat di Luar Bandar 3-11

<b>Bidang Keutamaan C:</b>	
Mempercepat Pembangunan di Sabah dan Sarawak	3-14
Mempercepat Pertumbuhan dan Mengurangkan Jurang Pembangunan di Sabah dan Sarawak dengan Wilayah Lain	3-15
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mempergiat Pertumbuhan Ekonomi dan Perancangan Pembangunan 3-15</li> <li>● Mempertingkat Infrastruktur untuk Menambah Baik Ketersambungan 3-16</li> <li>● Memperluas Akses kepada Infrastruktur, Ameniti dan Perkhidmatan Asas 3-17</li> <li>● Menambah Peluang Pekerjaan 3-19</li> <li>● Meningkatkan Pembangunan Tanah Adat 3-19</li> </ul>	
	
<b>Bidang Keutamaan A:</b>	
Mereformasi Pasaran Buruh	4-2
Mereformasi Pasaran Buruh bagi Memastikan Kualiti Pekerjaan, Gaji dan Upah yang Tinggi	4-3
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menjana Pekerjaan Berkemahiran 4-3</li> <li>● Meningkatkan Gaji dan Upah 4-4</li> <li>● Menambah Baik Pengurusan Pekerja Asing 4-4</li> <li>● Menambah Baik Keadaan Pasaran Buruh 4-5</li> </ul>	
<b>Bidang Keutamaan B:</b>	
Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh	4-6
Memastikan Pekerjaan yang Berkualiti yang akan Menyumbang kepada Kecekapan dan Produktiviti yang Lebih Baik	4-7
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Memperkukuh Hak Pekerja 4-7</li> <li>● Meningkatkan Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh 4-7</li> </ul>	
<b>Bidang Keutamaan C:</b>	
Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti	4-9
Memastikan Akses yang Saksama kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti dan Melengkapkan Pelajar dengan Pengetahuan yang Mantap dan Kemahiran yang Pelbagai pada Setiap Peringkat Pendidikan	4-10
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Meningkatkan Kualiti Pendidikan 4-10</li> <li>● Mengutamakan Kualiti Berbanding Kuantiti dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) 4-13</li> <li>● Menambah Baik Pendidikan untuk Semua Rakyat 4-15</li> </ul>	
<b>Bidang Keutamaan D:</b>	
Memupuk Jalinan Industri-Akademia yang Lebih Kukuh	4-17
Meningkatkan Mutu Pendidikan dan Latihan bagi Menghasilkan Modal Insan yang Berkualiti	4-18
<ul style="list-style-type: none"> <li>● Membangunkan Kemahiran yang Relevan dengan Industri 4-18</li> <li>● Menggalakkan Sumbangan Masyarakat dan Industri 4-20</li> </ul>	



## Tonggak V Mempertingkatkan Kemampanan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

### **Bidang Keutamaan A:**

Memperkukuh Tadbir Urus 5-2

Memudah Cara Peralihan ke arah Pertumbuhan Hijau dan Pengurusan Sumber yang Lebih Baik 5-3

● Memperkukuh Rangka Kerja Dasar, Perundangan dan Institusi 5-3

● Menambah Baik Kapasiti dan Keupayaan, Penguatkuasaan dan Pemantauan 5-5

● Meningkatkan Kesedaran dan Memupuk Rasa Tanggungjawab Bersama 5-7

### **Bidang Keutamaan B:**

Memulihara Sumber Asli 5-9

Memulihara Sumber Asli bagi Memastikan Kemampanan Perkhidmatan Ekosistem 5-10

● Memulihara Kawasan Terestrial dan Air Daratan 5-10

● Memulihara Ekosistem Pesisir Pantai dan Marin 5-13

● Meningkatkan Punca Pendapatan dan Kapasiti Orang Asli dan Masyarakat Setempat 5-14

### **Bidang Keutamaan C:**

Menangani Perubahan Iklim dan Mengurangkan Risiko Bencana 5-16

Menangani Perubahan Iklim dan Risiko Bencana bagi Meminimumkan Impak kepada Negara 5-17

● Mempertingkatkan Tindakan Mitigasi Perubahan Iklim 5-17

● Mempertingkatkan Tindakan Adaptasi Perubahan Iklim 5-21

● Memperkukuh Pengurusan Risiko Bencana 5-22



## Tonggak VI Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

### **Bidang Keutamaan A:**

Memperkukuh Pertumbuhan Sektoral dan Merefokasi Struktur 6-2

Memperkukuh Pertumbuhan Sektoral dan Merefokasi Struktur Termasuk PKS 6-3

● Mempertingkatkan Pertumbuhan Sektoral melalui Peningkatan Produktiviti 6-3

Memperkukuh Kapasiti Industri untuk Meningkatkan Bilangan Pengeksport dan Meneroka Pasaran Baharu 6-12

● Meningkatkan Keupayaan Eksport 6-12

Mengkaji Semula dan Memperkemas Peranan Syarikat Milik Kerajaan (SOE) dan Entiti Monopoli bagi Memenuhi Objektif Meningkatkan Kecekapan Pasaran dan Persaingan yang Adil 6-15

● Menambah Baik Kecekapan Pasaran 6-15

Menambah Baik Proses dan Prosedur Peraturan melalui Amalan Baik Peraturan (GRP) dan Memperkemas Amalan Perdagangan Termasuk Peraturan Bukan Tarif (NTM) 6-17

● Memudah Cara Urusan Menjalankan Perniagaan 6-17

<b>Bidang Keutamaan B:</b>	
<b>Mempercepat Inovasi dan Penerimgunaan Teknologi</b>	<b>6-18</b>
Menggalakkan Firma Tempatan khususnya PKS untuk Meningkatkan Aktiviti dalam Rantaian Nilai dan Daya Saing pada Peringkat Global, terutama dalam Mendepani Kemunculan 4IR	6-19
● Memanfaatkan Revolusi Perindustrian Keempat	6-19
Meningkatkan Kapasiti dan Keupayaan PKS, Menggalakkan Pendigitalan dalam Kalangan PKS serta Mempercepat Penerimgunaan Teknologi dalam Sektor Pembinaan dan Pertanian	6-21
● Meningkatkan Penerimgunaan Teknologi	6-21
Mengutamakan Bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI), Mengukuh Pengurusan Penyelidikan oleh Institusi Penyelidikan Awam dan Mempertingkat Kerjasama melalui Perantara	6-25
● Menjajarkan Penyelidikan dan Inovasi	6-25
Meningkatkan Pembangunan Kapasiti termasuklah Memperkukuh Program Latihan Kemahiran serta Meningkatkan Kerjasama antara Institusi Latihan dengan Industri	6-29
● Meningkatkan Pembangunan Kapasiti	6-29
<b>Bidang Keutamaan C:</b>	
<b>Menyediakan Infrastruktur Berkualiti</b>	<b>6-31</b>
Meneruskan Inisiatif Sedia Ada dan Baharu bagi Menambah Baik Sistem Perkhidmatan Pengangkutan Serta Memperluas Jaringan Jalan Raya	6-32
● Membangunkan Sistem Pengangkutan Bersepadu	6-32
Memperkukuh Logistik dan Fasilitasi Perdagangan untuk Mempertingkat Kecekapan Industri dan Menggalakkan Aktiviti Perdagangan	6-36
● Memperkukuh Logistik dan Fasilitasi Perdagangan	6-36
Menambah Baik Infrastruktur Digital untuk Meningkatkan Liputan dan Kapasiti Jalur Lebar bagi Memenuhi Permintaan Ekonomi Digital	6-39
● Menambah Baik Infrastruktur Digital	6-39
Menambah Baik Infrastuktur Perkhidmatan Air yang Berkualiti bagi Menyokong serta Memudah Cara Aktiviti Ekonomi	6-41
● Menambah Baik Perkhidmatan Air	6-41
Mengukuhkan Jaminan Bekalan Minyak dan Gas, Memastikan Jaminan Tenaga melalui Pengurusan Sumber yang Lebih Baik serta Meningkatkan Kecekapan Sektor Tenaga	6-44
● Memampankan Bekalan Tenaga	6-44
<b>Ringkasan Pelaksanaan Bidang Keutamaan, Strategi dan Inisiatif mengikut Kementerian dan Agensi</b>	<b>R-1</b>
<b>Glosari</b>	<b>G-1</b>

# PELAN PELAKSANAAN DASAR KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS

## Pendahuluan


Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bertujuan untuk mengkaji dan menilai pencapaian serta membuat penyesuaian ke atas dasar, strategi dan pelan tindakan RMKe-11. KSP RMKe-11 menggariskan sasaran ekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018-2020 bertujuan memastikan matlamat negara maju dan inklusif dapat dicapai.

Sasaran ekonomi yang disemak semula serta keutamaan dan penekanan dasar baharu yang digariskan telah dijangka dengan janji Kerajaan baharu dalam manifesto Pakatan Harapan. Selain itu, sasaran ekonomi ini juga mengambil kira komitmen negara dalam 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Agenda 2030 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Menerusi sasaran ekonomi yang disemak semula, matlamat pelbagai dimensi dalam strategi ekonomi makro telah diperkukuh dan dizahirkan melalui enam tonggak berkaitan seperti yang dinyatakan dalam *Paparan 9-2*, Bab 9, dokumen KSP RMKe-11.

Enam tonggak dasar utama tersebut diperincikan dalam Bab 10 hingga 15, dokumen KSP RMKe-11. Pendekatan ini merupakan perancangan dasar Kerajaan untuk membina Malaysia baharu yang lebih telus, berakauntabiliti dan berintegriti. Perincian kenyataan dasar utama bagi keenam-enam tonggak ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 1*.



## Paparan I Kenyataan Dasar mengikut Tonggak



Di bawah enam tonggak dasar KSP RMKe-11 ini, sejumlah 19 bidang keutamaan dan 80 sasaran terpilih telah digariskan dan perlu dicapai menerusi pelaksanaan 66 strategi dan 204 inisiatif seperti di *Paparan II*. Sehubungan itu, pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif yang lebih tuntas dan berkesan akan diperjelaskan di dalam dokumen Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD).

## Paparan II Ringkasan Kerangka Nasional mengikut Tonggak

TONGGAK	BIDANG KEUTAMAAN	SASARAN TERPILIH	STRATEGI	INISIATIF
Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam	4	6	12	33
Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat	2	20	9	36
Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang	3	13	12	36
Memperkasa Modal Insan	4	9	11	36
Mempertingkatkan Kemampuan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau	3	10	9	25
Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi	3	22	13	38
<b>JUMLAH</b>	<b>19</b>	<b>80</b>	<b>66</b>	<b>204</b>

## Pelan Pelaksanaan Dasar

PPD merupakan dokumen kenyataan dasar peringkat nasional dan pelan tindakan terhadap perancangan yang digariskan dalam KSP RMKe-11 secara komprehensif. Kementerian dan agensi bertanggungjawab, tempoh masa pelaksanaan dan ringkasan mengikut kementerian dan agensi pelaksana turut dinyatakan dengan jelas. PPD ini akan dapat membantu Kerajaan dalam mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad secara lebih efisien dan berhemah. Di samping itu, impak pembangunan akan dapat diperluaskan kepada lebih ramai penerima manfaat sebenar melalui penglibatan bersepadu pelbagai pihak berkepentingan.

PPD ini disediakan mengikut tonggak dan merujuk kepada kenyataan dasar mengikut bidang keutamaan, strategi, inisiatif dan tindakan yang diperlukan. Selain itu, kementerian atau agensi penyelaras serta pelaksana dan tempoh masa juga turut dinyatakan bagi memudahkan pelaksanaan pada peringkat kementerian dan agensi. Menerusi dokumen ini, kementerian dan agensi yang dikenal pasti perlu menyelaras pelaksanaan inisiatif, program dan projek berdasarkan keutamaan dan penekanan baharu KSP RMKe-11. Di samping itu, kementerian dan agensi juga perlu menjajarkan cadangan program dan projek serta sasaran pencapaian tahunan kementerian dengan PPD ini.

Oleh itu, pelan tindakan yang lebih terperinci akan dapat dirangka pada peringkat kementerian dan agensi berdasarkan kepada fungsi dan mandat masing-masing bagi menyokong KSP RMKe-11. Pendekatan ini penting bagi memastikan hanya program dan projek yang berimpak tinggi dengan kesan pengganda dan limpahan yang besar sahaja akan dilaksana dan memberi manfaat kepada rakyat secara adil dan saksama selaras dengan prinsip pembangunan yang inklusif.

Dokumen PPD ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama akan menyenaraikan pelan tindakan bagi kementerian dan agensi mengikut tonggak dasar. Sebagai contoh, di bawah Tonggak II, Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat, sejumlah 96 kementerian dan agensi terlibat. Bahagian kedua pula, menyenaraikan ringkasan pelan tindakan mengikut kementerian dan agensi. Sebagai contoh, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) bertanggungjawab dalam melaksanakan 46 inisiatif, 26 strategi di bawah 5 tonggak dan 11 bidang keutamaan.

Bagi agensi yang tidak tersenarai dalam PPD, tidak bermakna agensi tersebut tidak mempunyai peranan dalam pelaksanaan dasar dan strategi negara di bawah KSP RMKe-11. Agensi berkenaan juga perlu menjajarkan aktiviti utama masing-masing dengan peranan dan fungsi kementerian masing-masing. Langkah ini bagi memastikan dasar dan strategi yang telah dimandatkan kepada kementerian tidak dilaksana secara bersendirian dan terasing, sekaligus mengoptimumkan penggunaan sumber. Di samping itu, penjajaran ini perlu bagi memastikan agensi tersebut boleh turut menyumbang kepada pencapaian outcome dan petunjuk prestasi utama (KPI) kementerian masing-masing.


## Mekanisme Pelaksanaan dan Pemantauan

Bagi memantau pelaksanaan pelan tindakan KSP RMKe-11 ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Oktober 2018 telah bersetuju supaya setiap kementerian melaporkan kemajuan pelaksanaan pelan tindakan masing-masing setiap tiga bulan sekali. Dokumen PPD ini akan dijadikan rujukan utama oleh agensi pusat yang memantau Petunjuk Prestasi Menteri, KPI Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) dan lain-lain. Bagi tujuan pencapaian outcome nasional pula, MEA akan terus menggunakan platform *dashboard* pemantauan KSP RMKe-11 yang turut diintegrasikan dengan Sistem Pemantauan Projek II (SPPII) dan Sistem *MyResult*. Pencapaian outcome nasional mengikut keterlibatan kementerian dalam setiap tonggak KSP RMKe-11 akan turut menjadi KPI Generik Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah pada tahun 2019 dan 2020.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) telah dipertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan Janji Kerajaan. Sehubungan itu, dokumen PPD ini akan turut digunakan oleh ICU, JPM untuk memantau pencapaian pelaksanaan dasar dan program serta projek Kerajaan pada peringkat kementerian dan agensi. **Arahan No.1, 2018: Jentera Penyelarasan Pelaksanaan** merupakan punca kuasa bagi memastikan mekanisme penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan program dan projek Kerajaan pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah berjalan lancar. Menerusi arahan tersebut, struktur jentera penyelarasan pelaksanaan seperti di *Paparan III* akan mentadbir urus pelaksanaan, pemantauan serta penilaian dasar, strategi dan inisiatif di bawah KSP RMKe-11.



### Paparan III Struktur Jentera Penyelarasan Pelaksanaan



Sumber: Arahan No.1, 2018: Jentera Penyelarasan Pelaksanaan, 31 Oktober 2018

## Peranan Agensi Penyelaras dan Pelaksana

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan tindakan ini, peranan agensi penyelaras dan pelaksana dinyatakan dengan jelas dalam dokumen PPD. Langkah ini akan memudahkan aktiviti penyelaras bagi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan pelaporan kemajuan program dan projek. Aktiviti penyelaras ini penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif serta merangka tindakan lanjut dalam mendepani isu dan cabaran ekonomi semasa, selain menyediakan dokumen perancangan pembangunan negara pada masa hadapan. Secara ringkasnya, peranan agensi penyelaras bidang keutamaan, agensi penyelaras inisiatif dan agensi pelaksana dinyatakan seperti di *Paparan IV*.

### *Paparan IV*

#### Peranan Kementerian dan Agensi Penyelaras serta Pelaksana PPD



##### Agensi Penyelaras Bidang Keutamaan

- Menerajui bidang keutamaan dan menyelaras pelaksanaan keseluruhan pelan tindakan di bawah bidang keutamaan berkaitan
- Melaksanakan libat urus bersama agensi penyelaras inisiatif secara berkala
- Memantau pencapaian outcome dan KPI bagi bidang keutamaan
- Melaporkan status pelaksanaan pelan tindakan secara berkala kepada MEA



##### Agensi Penyelaras Inisiatif

- Menyelaras dan memantau pelaksanaan pelan tindakan bagi setiap inisiatif berkaitan mengikut perancangan oleh agensi pelaksana
- Melaporkan status pelaksanaan inisiatif berkaitan kepada agensi penyelaras




##### Agensi Pelaksana

- Memastikan perancangan dan pelaksanaan program dan projek diwajibkan berdasarkan pelan tindakan
- Melaksanakan atau menyokong inisiatif yang dikenal pasti
- Melaporkan kepada agensi penyelaras inisiatif
- Melaksanakan, memantau dan mengemaskini maklumat program dan projek di dalam SPPII

**PELAKSANAAN BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI DAN INISIATIF**  
mengikuti Tonggak Dasar

Bagi agensi yang tidak tersenarai dalam Pelan Pelaksanaan Dasar, agensi berkenaan perlu menjajarkan aktiviti utamanya dengan peranan dan fungsi kementerian masing-masing bagi memastikan agensi turut menyumbang kepada pencapaian outcome dan KPI kementerian



# Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam



**TONGGAK I**

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam (m.s. 10-1 hingga 10-21)

**BIDANG KEUTAMAAN A**

Menambah Baik Tadbir Urus pada Semua Peringkat (m.s. 10-6 hingga 10-8)

**OUTCOME NASIONAL**

Pentadbiran kerajaan yang lebih cekap dan mematuhi undang-undang semasa

**KPI NASIONAL**

- i. Pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen
- ii. Satu laporan kajian pengasingan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara

**AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Jabatan Perdana Menteri (JPM)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEPOH MASA
1.	Melaksana pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman untuk mengelakkan pemusatan kuasa dalam cabang Kerajaan yang tertentu <b>(m.s. 10-6)</b>	<b>I.A1:</b> Memperkukuh mekanisme semak dan imbang	<b>I.A1.1:</b> Mempertingkatkan kuasa Parlimen	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada tahun 1992 dengan penambahbaikan</li> <li>ii. Menginstitusikan sistem jawatankuasa pemilihan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara</li> <li>iii. Memperkasa Jawatankuasa Parlimen untuk memantau kuasa eksekutif</li> <li>iv. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) akan bertanggungjawab secara terus kepada Parlimen</li> <li>v. Jawatankuasa pemilihan perlu mengesahkan pelantikan jawatan utama, termasuk dalam SPRM, SPR, Jabatan Audit Negara (JAN) dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK)</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC JAN JPA Parlimen SPK SPR SPRM</p>	2018-2021
			<b>I.A1.2:</b> Memantapkan sistem pentadbiran undang-undang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengasingkan peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara dengan mengkaji amalan terbaik pada peringkat global</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> AGC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC</p>	2018-2020

### Pelan Pelaksanaan Dasar

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembelas  
Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Merefokasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-4

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<p><b>I.A2:</b> Menambah baik hubungan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan</p>	<p><b>I.A2.1:</b> Mengembalikan semula semangat federalisme</p>	<p>i. Melaksanakan sepenuhnya pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri seperti yang termaktub dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan</p> <p>ii. Memperkasa kerajaan negeri melalui pengagihan kuasa pusat bagi beberapa fungsi termasuk pengangkutan awam, perkhidmatan sosial, pembangunan pertanian dan perlindungan alam sekitar</p> <p>iii. Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis akan diberi keutamaan dalam pengagihan peruntukan pembangunan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC KATS MESTECC MOA MOF SUP Sabah SUP Sarawak Semua SUK Negeri</p>	2018-2020
		<p><b>I.A3:</b> Merefokasi sistem politik</p>	<p><b>I.A3.1:</b> Mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar</p>	<p>i. Mengehadkan tempoh perkhidmatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar kepada dua penggal</p> <p>ii. Memastikan Perdana Menteri tidak menyandang jawatan menteri lain pada masa yang sama</p> <p>iii. Melaksanakan kajian perbandingan untuk membangunkan sistem yang mantap dan sesuai dengan keperluan sosiopolitik negara</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC Parlimen Semua PUU Negeri Semua SUK Negeri</p>	2018-2020
			<p><b>I.A3.2:</b> Menambah baik sistem pilihan raya</p>	<p>i. Menurunkan had umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun</p> <p>ii. Reformasi menyeluruh termasuk membersihkan daftar pemilih, menambah baik pengundian pos dan menyediakan akses yang adil kepada media untuk semua parti yang bertanding</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> SPR</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC KKMM SPR</p>	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.A3.3:</b> Memperkenalkan undang-undang yang mengawal pembiayaan politik</p>	<p>i. Memperkenalkan undang-undang berkaitan pembiayaan politik</p> <p>ii. Membangunkan rangka kerja bersesuaian untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam mengumpul dan membelanjakan dana bagi tujuan politik</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> GIACC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC GIACC JPM SPR SPRM</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

**TONGGAK I**

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam (m.s. 10-1 hingga 10-21)

**BIDANG KEUTAMAAN B**

Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti (m.s. 10-8 hingga 10-11)

**OUTCOME NASIONAL**

Peningkatan keyakinan dan kepercayaan rakyat

**KPI NASIONAL**

Kedudukan 30 terbaik dalam Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International*

**AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
2.	Melaksana langkah proaktif yang lebih tegas dan teliti untuk mengukuhkan semula komitmen Malaysia ke arah memerangi rasuah  <b>(m.s. 10-8)</b>	<b>I.B1:</b> Memperkukuh agenda pencegahan rasuah	<b>I.B1.1:</b> Mereformasi institusi pencegahan rasuah Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mentransformasi SPRM menjadi sebuah badan bebas sepenuhnya</li> <li>ii. Mengkaji semula Akta SPRM 2009 secara menyeluruh</li> <li>iii. Memperkukuh peranan GIACC bagi merancang, merangka, menyelaras dan menilai dasar serta strategi dalam mengamalkan tadbir urus yang baik, integriti dan toleransi sifar terhadap rasuah</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras GIACC</p> <p>Agensi Pelaksana GIACC SPRM</p>	2018-2020
			<b>I.B1.2:</b> Memperkukuh undang-undang pencegahan rasuah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji semula undang-undang pencegahan rasuah</li> <li>ii. Menambah baik Akta Perlindungan Saksi 2009 dan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010</li> <li>iii. Memperluaskan libat urus dengan semua pihak berkepentingan termasuk masyarakat sivil, ahli akademik dan badan antarabangsa</li> <li>iv. Melaksanakan kajian semula secara menyeluruh bagi penggubalan undang-undang bersesuaian ke atas salah laku dan kesalahan dalam kalangan pegawai badan awam selaras dengan Artikel 19 dalam <i>United Nations Convention Against Corruption</i> (UNCAC)</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras SPRM</p> <p>Agensi Pelaksana AGC BHEUU GIACC JPA SPRM UPS</p>	2018-2020

#### Peljan Pelaksanaan Dasar

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Kajian Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>I.B2:</b> Meningkatkan ketelusan	<b>I.B2.1:</b> Membolehkan persekitaran kerajaan terbuka	<p>i. Mengambil bahagian dalam platform antarabangsa yang berkaitan seperti <i>Open Government Partnership</i></p> <p>ii. Mempergiat pelaksanaan inisiatif Data Terbuka Kebangsaan secara lebih menyeluruh</p> <p>iii. Mengkaji undang-undang berkaitan kebebasan maklumat bagi membolehkan orang awam mengakses maklumat rasmi kerajaan</p> <p>iv. Mengkaji semula Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi melindungi keselamatan dan kedaulatan negara</p> <p>v. Membangunkan sistem pengisytiharan harta yang berkesan</p> <p>vi. Meminda Kod Etika bagi pengisytiharan harta dan penerimaan hadiah dalam kalangan ahli Parlimen dan anggota pentadbiran termasuk Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri</p> <p>vii. Memastikan SPRM mengesah dan memantau pengisytiharan harta pegawai awam</p> <p>viii. Meminda Akta SPRM 2009 untuk mengambil kira peruntukan undang-undang untuk mewajibkan pengisytiharan harta bagi kumpulan ini</p>	<p>Agensi Penyelaras GIACC</p> <p>Agensi Pelaksana AGC CGSO JPA KKMIM MAMPU SPRM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.B2.2:</b> Memperluas platform urusan pembayaran tanpa tunai</p>	<p>i. Memodenkan mekanisme pembayaran ke arah memperluaskan transaksi pembayaran tanpa tunai (e-pembayaran), khususnya dalam transaksi kerajaan</p> <p>ii. Memanfaatkan potensi penggunaan teknologi lain termasuk <i>blockchain</i></p>	<p>Agensi Penyelaras MOF</p> <p>Agensi Pelaksana BNM MAMPU MDEC</p>	2018-2020
	<p><b>I.B3:</b> Memupuk nilai murni dan amalan kerja beretika</p>		<p><b>I.B3.1:</b> Mendukung integriti pada semua peringkat</p>	<p>i. Memperkenalkan persijilan MS ISO 37001 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) di semua agensi kerajaan dan pensijilan tersebut sebagai satu syarat untuk sektor swasta membida kontrak kerajaan</p> <p>ii. Memperluas penyertaan Pegawai Integriti bertauliah (CeIO) dalam semua aktiviti syarikat milik kerajaan yang terdedah kepada risiko amalan rasuah</p> <p>iii. Mengkaji semula secara menyeluruh pelaksanaan ikrar integriti korporat</p> <p>iv. Mewujudkan perkongsian strategik menerusi libat urus bersama dengan persatuan politik dan organisasi masyarakat sivil</p> <p>v. Menguatkuasakan sistem pusingan kerja secara mandatori bagi penjawat awam yang memegang jawatan sensitif</p>	<p>Agensi Penyelaras GIACC</p> <p>Agensi Pelaksana BPA GIACC IIM JPA KKMM MACA MOF MPC PDRM SIAP SPRM</p>	2018-2020

#### Pelan Pelaksanaan Dasar

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keseluruhan  
Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-10

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis bagi mendukung integriti dan mencegah salah laku dalam pasukan polis</li> <li>vii. Mewujudkan Ombudsman bebas yang melapor kepada Parlimen untuk menangani dan menyasat aduan berkaitan salah pentadbiran dalam perkhidmatan awam</li> </ul>		
			<p><b>IB3.2:</b> Menerapkan nilai murni dalam kalangan penjawat awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menambah baik program berkaitan etika dan nilai</li> <li>ii. Menilai tahap integriti organisasi dan individu berdasarkan kaedah penilaian integriti yang bersesuaian</li> <li>iii. Memupuk nilai murni secara berterusan melalui inisiatif perkhidmatan awam sedia ada seperti Tonggak 12 dan Kod Etika</li> <li>iv. Memperkukuh penguatkuasaan Sistem Pengurusan Audit Nilai dan melaksana program intervensi yang sewajarnya</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras JPA</p> <p>Agensi Pelaksana IIM INTAN JPA</p>	2018-2020

## **TONGGAK I**

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam (m.s. 10-1 hingga 10-21)

## **BIDANG KEUTAMAAN C**

Menguatkuasakan Pelaksanaan Pengurusan Kewangan Awam Secara Berhemat (m.s. 10-11 hingga 10-15)

## **OUTCOME NASIONAL**

Pengurusan dana awam yang telus dan berhemat

## **KPI NASIONAL**

- i. Defisit fiskal pada kadar 3.0% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK)
- ii. Pencapaian skor sekurang-kurangnya 61/100 dalam *Open Budget Index* (OBI)

## **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Kewangan (MOP)

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas

Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
3.	Melaksana reformasi pengurusan kewangan awam yang berhemat ke arah Kerajaan yang lebih telus dan bertanggungjawab <i>(m.s. 10-11)</i>	<b>I.C1:</b> Mempertingkatkan sistem belanjawan	<b>I.C1.1:</b> Menambah baik proses belanjawan negara  <b>I.C1.2:</b> Meningkatkan kecekapan dan ketelusan syarikat milik kerajaan  <b>I.C1.3:</b> Memperluas dan mempercepat pelaksanaan perakaunan akruan	<p>i. Melaksanakan langkah secara berperingkat untuk memperbaiki skor Malaysia dalam OBI kepada sekurang-kurangnya 61/100</p> <p>i. Melaksana kajian semula ke atas peraturan sedia ada yang mentadbir pengoperasian SOE</p> <p>ii. Menjalankan semakan berkala ke atas portfolio kerajaan untuk menilai peranan dan fungsi SOE</p> <p>iii. Menubuhkan satu badan kawal selia untuk menyatukan maklumat mengenai aset dan liabiliti SOE serta menyediakan dan menerbitkan laporan kewangan yang menyeluruh</p> <p>i. Mempercepatkan pelaksanaan perakaunan akruan melalui iGFMS</p>	<p>Agensi Penyelaras MOF</p> <p>Agensi Pelaksana JAN MEA MOF Parlimen</p> <p>Agensi Penyelaras MOF</p> <p>Agensi Pelaksana JANIM MEA MOF</p> <p>Agensi Penyelaras MOF</p> <p>Agensi Pelaksana AGC JAN JANIM MOF</p>	<p>2018-2020</p> <p>2018-2020</p> <p>2019-2020</p>



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>I.C2:</b> Menambah baik pengurusan perolehan	<b>I.C2.1:</b> Memperkukuh rangka kerja perolehan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkenalkan rangka kerja perundangan berkaitan Perolehan Kerajaan (PK) yang menyeluruh dan berkesan</li> <li>ii. Menambah baik sistem perolehan elektronik atau atas talian sedia ada melalui kajian penilaian keperluan pembangunan sistem perolehan kerja bersepadu</li> <li>iii. Mendukung prinsip persaingan terbuka bagi mengelakkan monopoli dalam kontrak dan memaksimumkan nilai untuk wang</li> <li>iv. Menyediakan latihan di bawah program <i>Chartered Institute of Procurement and Supply</i> kepada pegawai yang menguruskan PK</li> <li>v. Mempertingkat kemahiran dan kebolehan kontraktor</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOF</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC CIDB JKR KKR MOF</p>	2018-2020
			<b>I.C2.2:</b> Memperkukuh rangka kerja perkongsian awam swasta (PPP)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji semula rangka kerja PPP sedia ada</li> <li>ii. Menentukan jumlah komitmen projek PPP bagi mengawal tahap tanggungan dan komitmen tahunan Kerajaan</li> <li>iii. Mempergiat audit forensik ke atas projek PPP terpilih</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOF</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JAN MOF UKAS</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-14

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>I.C3:</b> Memperkuh rangka kerja pengurusan prestasi, pemantauan dan penilaian	<b>I.C3.1:</b> Mempertingkatkan pengurusan prestasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkenalkan <i>zero-based budgeting</i> sebagai kaedah jangka pendek untuk mengawal perbelanjaan</li> <li>ii. Memperkuh pelaksanaan bajet berasaskan outcome (OBB) sebagai satu kaedah bersepadu bagi pengukuran prestasi kementerian</li> <li>iii. Mengukur prestasi program dan aktiviti berdasarkan petunjuk prestasi utama yang disesuaikan dengan peranan dan fungsi kementerian</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOF</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> MEA MOF</p>	2018-2020
			<b>I.C3.2:</b> Menambah baik mekanisme pemantauan dan penyelarasan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menambah baik sistem <i>MyResult</i> bagi menghasilkan laporan yang lengkap pada peringkat kementerian dan nasional</li> <li>ii. Menambah baik Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) bagi memantau secara menyeluruh kitaran pengurusan projek pembangunan</li> <li>iii. Mengkaji semula Arahan No.1, 2010: Majlis Tindakan Negara untuk memperkuh mekanisme penyelarasan dan pelaksanaan projek pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah</li> <li>iv. Mengambil kira modul pelan pengurusan risiko dalam semua projek kerajaan</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> ICU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU JKR KKR MEA MOF</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEPOH MASA
			<p><b>I.C3.3:</b> Memperkukuh pengurusan projek</p>	<p>i. Memberi penekanan kepada penggunaan pelan standard yang diluluskan (PAP) dan sistem binaan berindustri (IBS) dalam projek kerajaan</p> <p>ii. Memperluaskan penggunaan pемbandingan sektor awam (PSC) kepada semua kementerian dan agensi</p> <p>iii. Melaksanakan penilaian formatif untuk memastikan intervensi yang tepat pada masanya</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB ICU JKR KKR MEA MOF</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

## **TONGGAK I**

Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam (m.s. 10-1 hingga 10-21)

## **BIDANG KEUTAMAAN D**

Memperkuh Penyampaian Perkhidmatan Awam (m.s. 10-15 hingga 10-20)

## **OUTCOME NASIONAL**

Penyampaian perkhidmatan awam yang efisien, efektif dan dinamik

## **KPI NASIONAL**

- i. Mencapai saiz perkhidmatan awam kepada penduduk dengan nisbah sebanyak 1:20
- ii. Kedudukan 15 terbaik bagi subindeks Perkhidmatan Dalam Talian dalam *United Nations e-Government Development Index*
- iii. Kedudukan 10 terbaik bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *World Competitiveness Yearbook*
- iv. 90% daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) mencapai taraf minimum 4 daripada 5 bintang berdasarkan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT)

## **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
4.	Mengukuhkan perkhidmatan awam supaya lebih fleksibel, inovatif dan responsif untuk menghadapi cabaran masa hadapan <b>(m.s. 10-15)</b>	<b>I.D1:</b> Mereformasi institusi sektor awam	<b>I.D1.1:</b> Merasionalisasi institusi sektor awam  <b>I.D1.2:</b> Memperkukuh pengurusan bakat dalam perkhidmatan awam	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menubuhkan satu pasukan petugas khas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara</li> <li>ii. Menyemak semula syarat kemasukan ke perkhidmatan awam supaya selaras dengan reformasi perkhidmatan awam</li> <li>iii. Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal selia perkhidmatan awam bagi memperkasa penjawat awam</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JPA MOF PBM berkaitan SPA</p>	2018-2020
				<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji dasar latihan sektor awam dan membangunkan dasar pembangunan sumber manusia (HRDP) yang strategik dan menyeluruh</li> <li>ii. Memperkasa Kementerian dan agensi untuk merancang dan menentukan penempatan bakat serta menyesuaikan pengurusan bakat berdasarkan keperluan dan keutamaan</li> <li>iii. Menyediakan garis panduan khusus bagi memastikan program pembangunan bakat adalah seiring dengan keutamaan negara</li> <li>iv. Mengkaji semula kurikulum sedia ada dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kemahiran dan pimpinan serta fungsi utama Kementerian dan agensi</li> <li>v. Membangunkan pelan pembangunan latihan yang mampan dan menyeluruh untuk pelbagai skim perkhidmatan</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> INTAN Semua ILA</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-18

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Mengukuhkan jalinan kerjasama dengan institusi latihan tempatan dan antarabangsa</li> <li>vii. Menerapkan rangka kerja <i>Digital Government Competency and Capability Readiness</i> (DGCCR) ke dalam perkhidmatan awam</li> <li>viii. Mentransformasi Kluster Inovasi Teknologi Pengurusan (i-IMATEC) sebagai Kluster Pembelajaran Digital (DLC)</li> <li>ix. Memperkemas peranan ILA dengan memberi tumpuan kepada bidang khusus dan fungsi yang berkaitan melalui pelaksanaan Majlis Latihan Sektor Awam (MLSA)</li> <li>x. Memperoleh bakat terbaik melalui pelantikan secara kontrak serta mengkaji semula dasar pengambilan sedia ada</li> </ul>		
			<p><b>I.D1.3:</b> Melaksanakan penyesuaian penilaian prestasi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memperkenalkan model baharu pengurusan prestasi perkhidmatan awam melalui penilaian prestasi yang bersesuaian berdasarkan peranan dan fungsi kementerian dan agensi</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras JPA</p> <p>Agensi Pelaksana JPA MPC</p>	2019-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.D1.4:</b> Menggalakkan pembangunan kerjaya</p>	<p>i. Memastikan ketelusan dalam kemajuan kerjaya dan kenaikan pangkat perkhidmatan awam berdasarkan merit dan prestasi</p> <p>ii. Merangka laluan kerjaya penjawat awam untuk menyediakan prospek masa hadapan dengan mengenal pasti kompetensi dan prestasi yang diperlukan</p> <p>iii. Mempertingkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi kumpulan pelaksana dalam perkhidmatan awam agar dapat menjawat jawatan sehingga ke peringkat pengurusan dan profesional atau melaksanakan pelbagai tugas</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> INTAN JPA Semua ILA</p>	2018-2020
			<p><b>I.D1.5:</b> Menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan</p>	<p>i. Mempertingkatkan inisiatif ke arah menambah baik keseimbangan antara kerja dan kehidupan bagi penjawat awam</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JPA KPWKM</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Merereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-20

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>I.D2:</b> Memperkemas semula perkhidmatan yang disediakan	<b>I.D2.1:</b> Mengurangkan birokrasi dan mengintegrasikan peningkatan produktiviti	<p>i. Mengkaji semula prosedur dan proses kerja bagi menghapuskan pertindihan dan kerenah birokrasi yang tidak selaras dengan keperluan dan kemajuan teknologi semasa</p> <p>ii. Mengadaptasi model kecemerlangan perniagaan yang dibangunkan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia sebagai instrumen analisis prestasi untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan</p> <p>iii. Mengenalpasti kaedah yang bersesuaian bagi mengukur produktiviti dalam merangka KPI untuk ketua setiausaha kementerian, ketua jabatan dan agensi</p> <p>iv. Menyemak semula aliran kerja dan proses dalaman untuk memudahkan dan menambah baik kualiti, mengurangkan kos dan mempertingkatkan keberkesanan perkhidmatan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MAMPU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JKT JPA KPKT KWP MAMPU MPC</p>	2018-2020
			<b>I.D2.2:</b> Memperluas agenda pendigitalan	<p>i. Melaksanakan agenda pendigitalan secara agresif bagi memastikan penerimgunaan digital yang lebih meluas</p> <p>ii. Memanfaatkan analitis data raya (BDA) bagi menambah baik perancangan dasar dan strategi serta pelaksanaan program intervensi</p> <p>iii. Menyemak semula Pelan Pembangunan BDA Sektor Awam yang merangkumi mekanisme tadbir urus, pelan komunikasi dan pembangunan keupayaan</p> <p>iv. Melaksanakan kajian semula undang-undang sedia ada mengenai perkongsian maklumat, termasuk data peribadi</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MAMPU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC BNM CSM JANM JPDP KDN KKMM KPM MAMPU MDEC MESTECC MOF NACSA SKMM</p>	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.D2.3:</b> Menerapkan inovasi ke arah perkhidmatan yang lebih berkualiti</p>	<p>i. Mempergiat penerapan budaya pemikiran inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan awam</p> <p>ii. Memanfaatkan <i>Civil Service IdeaConnect online web</i> dan <i>mobile platform</i> sepenuhnya</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MAMPU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> INTAN JPA MAMPU MOF Semua ILA</p>	2018-2020
			<p><b>I.D2.4:</b> Mengurangkan peranan kerajaan dalam perkhidmatan bukan teras</p>	<p>i. Mengurangkan perkhidmatan bukan teras melalui penswastaaan dan penyumberan luar</p> <p>ii. Melaksanakan mekanisme penyampaian perkhidmatan alternatif (ASD) secara berfasa dimulai dengan projek rintis penjagaan warga emas di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar, Perak</p> <p>iii. Menjayakan ASD bagi pemulihan penagihan dadah dengan memperkasa penglibatan masyarakat dalam inisiatif pemulihan</p> <p>iv. Menjalankan kajian kemungkinan bagi meneroka perkhidmatan lain yang boleh dilaksanakan melalui penswastaaan atau penyumberan luar</p> <p>v. Mengurangkan kawalan ke atas perkhidmatan bukan teras yang terpilih secara berperingkat</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> JPA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AADK JPA KPWKM MAMPU MOF UKAS</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

1-22


BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.D2.5:</b> Menambah baik dan berkongsi sumber kerajaan</p>	<p>i. Menyediakan infrastruktur dan kemudahan bagi menyokong aktiviti operasi dan menawarkan persekitaran kerja yang kondusif</p> <p>ii. Menyediakan garis panduan perkongsian sumber dalam kalangan agensi kerajaan</p> <p>iii. Membangunkan sistem seragam untuk fungsi generik menggunakan kepakaran dalaman dan mengoptimumkan Pusat Data Sektor Awam</p> <p>iv. Meminda garis panduan yang standard bagi ruang pejabat bagi mengoptimumkan penggunaan ruang</p>	<p>Agensi Penyelaras MOF</p> <p>Agensi Pelaksana MAMPU MEA MOF</p>	2018-2020
		<p><b>I.D3:</b> Memperkasa pihak berkuasa tempatan (PBT)</p>	<p><b>I.D3.1:</b> Meningkatkan akauntabiliti PBT</p>	<p>i. Mempertingkatkan penguatkuasaan untuk komuniti setempat dan pertubuhan bukan kerajaan</p> <p>ii. Meningkatkan pematuhan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar dan Penilaian Impak Sosial</p> <p>iii. Memastikan PBT menerima pakai semua garis panduan dan prosedur operasi standard yang diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)</p> <p>iv. Melaksanakan penarafan PBT berdasarkan kebolehan dan keupayaan dalam penyampaian perkhidmatan</p>	<p>Agensi Penyelaras KPKT</p> <p>Agensi Pelaksana JAS JKT JPBW Sabah JPS KPKT KWP PLANMalaysia UPN Sarawak</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.D3.2:</b> Memperkukuh penyampaian perkhidmatan oleh PBT</p>	<p>i. Memastikan projek pembangunan negara diijarkan dengan kepentingan setempat</p> <p>ii. Meningkatkan libat urus awam untuk memperoleh maklum balas komuniti dalam mewujudkan projek pembangunan awam baharu</p> <p>iii. Memperkukuh penguatkuasaan melalui kerjasama yang lebih erat bersama agensi berkaitan untuk memastikan pematuhan peraturan</p> <p>iv. Menyelaras perkhidmatan PBT dengan Agenda 2030 untuk Pembangunan Mampaan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu</p> <p>v. Menjalankan kajian bagi mengenal pasti standard perkhidmatan antarabangsa dan amalan terbaik bagi PBT</p> <p>vi. Menggunakan SPB-PBT sebagai kaedah penilaian untuk menilai kecekapan perkhidmatan PBT</p> <p>vii. Menambah baik perkongsian data oleh PBT dan memperkasa Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai agensi rujukan tunggal bagi menyediakan capaian data kepada agensi kerajaan dan rakyat</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> DOSM JKT KPKT KWP MEA Semua SUK Negeri</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak 1: Mereformasi Tadbir Urus ke arah Meningkatkan Ketelusan dan Kecekapan Perkhidmatan Awam

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>I.D3.3:</b> Memperkukuh kerjasama untuk merangsang pembangunan ekonomi tempatan</p>	<p>i. Memudah cara penyertaan sektor swasta dan pelaburan dalam pembangunan ekonomi tempatan</p> <p>ii. Membangunkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan tempatan</p> <p>iii. Mempraktikkan ketelusan dan penguatkuasaan yang lebih baik bagi memastikan komuniti dan perniagaan setempat mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi</p> <p>iv. Memperkukuh struktur tadbir urus bagi PBT</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JKT KPKT KWP Semua PBT Semua UPEN</p>	2018-2020



# Memperkokuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat



## **TONGGAK II**

Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat (m.s. 11-1 hingga 11-27)

## **BIDANG KEUTAMAAN A**

Memperkukuh Inklusiviti ke arah Masyarakat yang Saksama (m.s. 11-7 hingga 11-18)

## **OUTCOME NASIONAL**


Pengurangan ketidakseimbangan sosioekonomi dalam kalangan rakyat

### **KPI NASIONAL**

- i. Pengurangan pekali Gini kepada 0.385
- ii. Peningkatan pendapatan purata bulanan isi rumah B40 kepada RM4,430
- iii. Peningkatan pendapatan penengah bulanan isi rumah B40 kepada RM4,790
- iv. Pengurangan Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi kepada 0.67%
- v. Sekurang-kurangnya 60% penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan berkemahiran tinggi
- vi. Sekurang-kurangnya 75% isi rumah Bumiputera memiliki seunit kediaman
- vii. Sekurang-kurangnya 11% pertumbuhan purata tahunan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera
- viii. Indeks Kesejahteraan Keluarga mencapai skor purata 8 daripada 10 mata
- ix. Peningkatan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja kepada 56.5%
- x. Peningkatan skor purata Indeks Belia Malaysia kepada 75.2 mata
- xi. Indeks Jurang Gender Malaysia (MGGI) kepada 0.700 daripada 1.000
- xii. Peningkatan kadar penyertaan orang kurang upaya (OKU) dalam sektor awam kepada 1%
- xiii. Sekurang-kurangnya 10 rakan strategik usahawan Bumiputera pada peringkat nasional

## **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
1.	Menangani ketidaksamarataan sosioekonomi bagi menambah baik integrasi sosial dan menggalakkan perpaduan yang lebih erat  <b>(m.s. 11-7)</b>	<b>II.A1:</b> Meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40	<b>II.A1.1:</b> Meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan program peningkatan pendapatan serta penyediaan keperluan asas yang meliputi aspek perumahan, pendidikan dan kesihatan</li> <li>ii. Memperkukuh akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran</li> <li>iii. Memperluas bantuan pendidikan</li> <li>iv. Meneruskan skim pembiayaan mikro kredit dan program bimbingan usahawan</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> ICU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AIM KBS KKM KKMIM KPKT KPLB KPM KSM KWP MDEC MED MOF YPPB Semua PKEN</p>	2018-2020
			<b>II.A1.2:</b> Meningkatkan keupayaan mendapat pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan lebih banyak pusat penajaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) dan pendidikan prasekolah pada kos yang berpatutan</li> <li>ii. Memberi lebih keutamaan untuk memasuki Maktab Rendah Sains MARA dan Sekolah Berasrama Penuh</li> <li>iii. Memberi kuota kemasukan dan kemudahan kewangan kepada pelajar daripada kalangan isi rumah B40 yang memenuhi syarat minimum untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan menjalani kursus profesional</li> <li>iv. Menggalakkan penyertaan dalam Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JSM KBS KPLB KPM KPWK KSM MARA PERMATA PERPADUAN YPPB</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.A1.3:</b> Menggalakkan keusahawanan</p>	<p>i. Menerajui program pembangunan keusahawanan secara menyeluruh dan bersepadu - meliputi latihan khusus untuk isi rumah B40 meneroka peluang perniagaan dalam talian, termasuk penggunaan platform media sosial dan mekanisme mudah perbankan sebagai kaedah mempromosikan e-usahawan</p> <p>ii. Menyediakan latihan penyimpanan rekod kewangan dan dokumentasi urus niaga yang betul</p> <p>iii. Menyediakan lebih banyak ruang pemasaran menerusi pusat sehati dan tapak perniagaan sementara seperti pasar tani serta fasiliti bergerak termasuk <i>agro-caravan</i> dan <i>food truck</i></p> <p>iv. Mengalakkan ekonomi perkongsian dan keusahawanan sosial</p> <p>v. Mempertingkat langkah penguatkuasaan untuk mengawal kegiatan perniagaan warga asing</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MED</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AIM JIM KBS KKMM KPDNHEP KPKT KPLB KSM KWP MDEC MED MOA PNS UPN Sarawak TERAJU Semua PBT Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020
			<p><b>II.A1.4:</b> Meningkatkan produktiviti</p>	<p>i. Mengalakkan penggunaan teknologi dan amalan terbaik terutamanya isi rumah yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan perikanan</p> <p>ii. Mengalakkan pekebun kecil getah dan kelapa sawit untuk menggabungkan aktiviti menerusi pengurusan berasaskan komuniti bagi menjamin jualan secara pukal untuk menikmati faedah ekonomi bidangan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JSM KPLB MEA MOA MPI</p>	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.A1.5:</b> Meningkatkan sistem perlindungan sosial</p>	<p>i. Mewujudkan satu rangka kerja bagi sistem perlindungan sosial bersepadu dan komprehensif</p> <p>ii. Menyelaras pelaksanaan program perlindungan sosial oleh pelbagai agensi akan diselaras melalui majlis di peringkat pusat</p> <p>iii. Menggunakan analitis data raya untuk menjana maklumat bernilai dan memberi gambaran yang jelas bagi meningkatkan tahap lantai perlindungan sosial</p> <p>iv. Menambah baik penentuan penerima yang layak mendapat bantuan supaya lebih berasaskan keperluan termasuk faktor sosiodemografi dan geografi</p> <p>v. Mengenal pasti mekanisme untuk memperluas perlindungan keselamatan sosial kepada isi rumah yang bekerja dalam sektor tidak formal</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU KKM KPM KPWKM KSM MAMPU MOA MOF</p>	2018-2020
			<p><b>II.A1.6:</b> Menambah baik pengukuran kemiskinan</p>	<p>i. Mengkaji semula model Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa</p> <p>ii. Menggunakan Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) sebagai pelengkap kepada PGK ke arah pengukuran kemiskinan yang lebih inklusif</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> DOSM ICU KKM KPDNHEP KPKT KPM KWPP MOT</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>II.A2:</b> Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC)	<b>II.A2.1:</b> Memperkukuh keberkesanan institusi dan program	<p>i. Mengkaji pelantikan lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) dan syarikat milik Kerajaan (SOE) berdasarkan pengalaman, merit dan kelayakan</p> <p>ii. Menyemak dan menyelaras semula peranan strategik dan model perniagaan EDO dan SOE</p> <p>iii. Menilai semula prestasi institusi Bumiputera berdasarkan fungsi yang dimandatkan dan petunjuk prestasi utama berasaskan outcome</p> <p>iv. Mempertimbangkan pemberian bantuan berdasarkan merit dan perniagaan tanpa sokongan politik</p> <p>v. Membangunkan portal sehati yang interaktif untuk memudahkan BEC mengakses maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan serta mengelak pemberian pelbagai faedah kepada penerima yang sama</p> <p>vi. Memperkukuh penyampaian dan penyelarasan program keusahawanan untuk Bumiputera</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> TERAJU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AIM EKUINAS MARA MED MOF PHB PNS PUNB SME Bank SME Corp TEKUN Nasional TERAJU YPPB Semua PKEN</p>	2018-2020
			<b>II.A2.2:</b> Memperkasa pendidikan dan modal insan	<p>i. Mempertingkat akses kepada pendidikan yang berkualiti dalam kalangan pelajar Bumiputera daripada latar belakang keluarga berpendapatan rendah dan mempunyai persekitaran mencabar melalui: a. penyediaan bantuan pendidikan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MARA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KKMM KPLB KPM KPWKM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>b. penyediaan lebih banyak pusat ECCE dan pendidikan prasekolah kepada kanak-kanak daripada isi rumah B40 Bumiputera</p> <p>ii. Melaksanakan lebih banyak program latihan pada peringkat menengah dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM)</p> <p>iii. Menyediakan program kemahiran yang berstruktur, modul pembelajaran komprehensif dan mengenalpasti kecenderungan pelajar bagi meningkatkan kebolehpasaran Bumiputera melalui:</p> <p>a. penyediaan dan pelaksanaan modul keusahawanan dan kemahiran insaniah dalam program latihan</p> <p>b. kaedah pemilihan bagi memadankan minat dan kecenderungan pelajar</p> <p>c. penawaran program latihan industri berstruktur dengan persijilan antarabangsa</p> <p>iv. Melaksana lebih banyak program akreditasi profesional dan kemahiran untuk meningkatkan jumlah profesional dan kebolehpasaran Bumiputera melalui:</p> <p>a. penerokaan sumber dana alternatif</p> <p>b. pembangunan lebih banyak program latihan bersepadu berasaskan Al-Quran dan Sunnah bagi bidang kemahiran teknikal dan profesional dalam kalangan <i>huffaz</i></p>	<p>MARA MDEC MOF PERMATA PERPADUAN SIRIM TERAJU YPPB</p>	

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.A2.3:</b> Meningkatkan kawalan efektif dan kemampuan dalam pemilikan ekuiti korporat</p>	<p>i. Mengalakkan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam pelaburan strategik melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. pelaburan dalam syarikat yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan syarikat tersenarai di Bursa Malaysia</li> <li>b. penerokaan peluang pelaburan dalam syarikat berpotensi</li> <li>c. penerokaan dan pelaburan dalam industri halal</li> <li>d. inisiatif untuk menggalakkan syarikat Bumiputera yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia</li> <li>e. insentif kewangan baharu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera yang berkecenderungan untuk disenaraikan di <i>Leading Entrepreneur Accelerator Platform</i> di Bursa Malaysia</li> </ul> <p>ii. Memperoleh pegangan saham bagi mendapatkan kawalan ke atas syarikat Bumiputera yang berpotensi dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan baru muncul oleh SOE melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. pelantikan pasukan kepimpinan dan pengurusan beribawa dengan penetapan minda yang bersesuaian dalam syarikat yang dikenal pasti</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> PNB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AIM Bursa Malaysia EKUINAS HDC Khazanah LTAT MARA MITI MOF PNS PUNB SKM SME Bank SME Corp SSM TEKUN Nasional TERAJU TH VentureTECH YPPB Semua PKEN</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>b. penyediaan bantuan kewangan dan khidmat nasihat perniagaan bagi melupuskan syarikat kepada Bumiputera</li> <li>c. pelaburan SOE dalam syarikat yang berkembang pesat dan tersenarai di Bursa Malaysia</li> <li>iii. Mempergiat aktiviti <i>management buy-out</i></li> <li>iv. Memperbanyak produk kewangan yang dapat memberi pulangan yang tinggi kepada pelabur Bumiputera melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. lebih banyak produk kewangan yang inovatif</li> <li>b. pelaburan PNB dalam instrumen yang memberi pulangan lebih tinggi, pelaburan dalam aset persendirian dan global serta portfolio pelaburan lain</li> </ul> </li> </ul>		
			<p><b>II.A2.4:</b> Meningkatkan pemilikan kekayaan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melaksanakan usaha bersepadu untuk meningkatkan aset bukan kewangan dalam bentuk hartanah komersial, industri dan kediaman terutama di lokasi utama dan strategik</li> <li>ii. Meningkatkan saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) bagi memiliki dan membangunkan lebih banyak hartanah komersial dan projek pembangunan bercampur</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras PHB</p> <p>Agensi Pelaksana AIM JAWHAR Khazanah KPKT MARA MOF NAPIC</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>iii. Membangunkan model perniagaan baharu berasaskan kepada perkongsian strategik untuk memperoleh premis perniagaan strategik, terutama di pusat bandar</p> <p>iv. Mengenal pasti mekanisme untuk membolehkan premis perniagaan disewa dengan pilihan untuk dibeli</p> <p>v. Menyedia rangka kerja menyeluruh bagi meneroka potensi pembangunan tanah wakaf</p> <p>vi. Meningkatkan wakaf tunai dan mengeluarkan sijil wakaf bagi menambah bilangan harta wakaf</p> <p>vii. Mengkaji semula garis panduan mengenai sukuk untuk memudahkan penjana dana bagi pembangunan tanah wakaf</p>	<p>PHB PNB PNS PUNB SC SME Bank SME Corp TEKUN Nasional TERAJU TH YPPB YWM Semua MAIN Semua PKEN</p>	
			<p><b>II.A2.5:</b> Membina Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) yang berdaya tahan dan mampan</p>	<p>i. Membina BEC yang lebih berdaya tahan dan mampan melalui:</p> <p>a. perubahan minda dan pembudayaan keusahawanan di kalangan Bumiputera</p> <p>b. galakan kerjasama usahawan Bumiputera dengan bukan Bumiputera dan peserta industri lain</p> <p>c. galakan perkongsian strategik antara SOE dan pusat penyelidikan dan pembangunan dengan PKS Bumiputera</p>	<p>Agensi Penyelaras TERAJU</p> <p>Agensi Pelaksana AGC AIM EKUINAS HDC JAWHAR MARARA MDEC MED</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>d. peningkatan kebolehpayaan Bumiputera meneroka pasaran eksport</li> <li>ii. Menyediakan bantuan termasuk membeli atau mengambil alih dan membangunkan premis perniagaan untuk disewa terutama di pusat bandar sebagai pusat tarikan baharu pelancongan</li> <li>iii. Menggalakkan Bumiputera menyertai industri strategik dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi</li> <li>iv. Memanfaatkan dana wakaf untuk meningkatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam aktiviti perniagaan termasuk industri halal</li> <li>v. Memudah cara penyertaan usahawan Bumiputera dalam ekonomi digital menerusi pembangunan kapasiti dan peningkatan akses kepada dana</li> <li>vi. Mengkaji platform sumbangan dana awam dalam talian yang boleh dipercayai sebagai mekanisme alternatif bagi membiayai perniagaan Bumiputera</li> <li>vii. Mengkaji semula garis panduan dan rangka kerja Program Pembangunan Vendor</li> <li>viii. Mempertingkat dasar <i>carve-out and compete</i> ke atas kontrak dalam projek besar Kerajaan dan di sepanjang rantaian bekalan</li> </ul>	MIDA MITI MOF PHB PNB PNS PUNB SIRIM SKM SME Bank SME Corp TEKUN Nasional TERAJU TH YPPB YWM Semua MAIN Semua PKEN	

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>ix. Mengkaji proses pemilihan, memperkukuh mekanisme pemantauan serta memperkenalkan undang-undang berkaitan dalam pemberian kontrak Kerajaan dan permit eksport dan import (AP)</p> <p>x. Mengalakkan lebih banyak enterpris Bumiputera berskala mikro dan kecil beralih ke tahap yang lebih tinggi</p> <p>xi. Memperkenalkan dasar peluang kedua untuk membantu usahawan Bumiputera yang pernah gagal disebabkan oleh keadaan luar jangka</p> <p>xii. Pemberian bantuan kepada syarikat secara bersasar dan dinilai terlebih dahulu berdasarkan keperluan dan keupayaan perniagaan syarikat</p>		
	<p><b>II.A3:</b> Memperkasa kumpulan minoriti</p>	<p><b>II.A3.1:</b> Mengupayakan Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak</p>	<p>i. Mempertingkatkan pengambilan pelajar berpotensi untuk dimasukkan ke sekolah berprestasi tinggi bagi komuniti Orang Asli serta golongan yang tinggal di luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak</p> <p>ii. Memberi keutamaan untuk meningkatkan pengambilan pelajar dalam kalangan Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak ke institusi latihan kemahiran seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA KKTM dan Institut Kemahiran MARA</p>	<p>Agensi Penyelaras ICU</p> <p>Agensi Pelaksana JAKOA JKPTG JTS Sarawak JTU Sabah KPLB KPM MARA</p>	2018-2020	



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>iii. Memberi fokus program keusahawanan terhadap pemupukan kemahiran keusahawanan dalam kalangan masyarakat Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak berdasarkan bakat intrinsik kumpulan sasar dan akan dilengkap dengan bantuan seperti kemudahan pembiayaan serta pembungkusan dan pemasaran produk</p> <p>iv. Mempercepat proses pewartaan tanah penempatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan pemberian hak milik tanah kepada Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak</p>	<p>MED UPN Sarawak UPEN Sabah Semua PTG Negeri</p>	
			<p><b>II.A3.2:</b> Meningkatkan taraf isi rumah India dan Cina yang berpendapatan rendah</p>	<p>i. Menyalurkan bantuan melalui program isi rumah B40</p> <p>ii. Mengalakkan isi rumah India berpendapatan rendah untuk memanfaatkan kemudahan pembiayaan mikro di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India</p> <p>iii. Memberi lebih banyak peluang kepada anak muda India untuk menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan menjalani program TVET</p> <p>iv. Memberi bantuan kepada isi rumah Cina berpendapatan rendah di kampung baru melalui skim pembiayaan mikro, bayaran premium tanah dan naik taraf rumah di bawah Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina</p>	<p>Agensi Penyelaras MEA</p> <p>Agensi Pelaksana KSM KPKT KPM MED TEKUN Nasional</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>II.A4:</b> Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus	<b>II.A4.1:</b> Menyokong keperluan dan kepentingan kanak-kanak	<p>i. Merangka Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-Kanak (antara projek yang akan dilaksanakan adalah projek rintis <i>Diversion</i> bagi kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang)</p> <p>ii. Memperluas perkhidmatan penjagaan kanak-kanak bersubsidi kepada semua agensi Kerajaan</p> <p>iii. Menyediakan insentif kepada badan korporat yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja</p> <p>iv. Memperkemas kurikulum ECCE bagi meningkatkan kualiti dan standard kurikulum</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPWKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC JKM JPA KDN KKM KPKT KPLB KPM KPWKM MOF PDRM PERPADUAN Semua PBT</p>	2018-2020
			<b>II.A4.2:</b> Membangun potensi belia	<p>i. Melaksana program pembangunan dan pemerkasaan belia dengan fokus kepada bidang utama seperti pendidikan, kepimpinan, patriotisme dan kesukarelawanan</p> <p>ii. Menangani cabaran sosioekonomi yang dihadapi belia melalui pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KBS</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KBS KPLB KPM KSM MED PERPADUAN</p>	2018-2020
			<b>II.A4.3:</b> Meningkatkan peranan wanita dalam pembangunan	<p>i. Melaksana usaha bersepadu antara agensi kerajaan, sektor swasta dan organisasi dalam 13 teras strategik di bawah Dasar Wanita Negara</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPWKM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>ii. Melindungi hak dan kepentingan wanita dengan mengambil kira aspek keseksamaan gender</p> <p>iii. Mempertingkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja</p> <p>iv. Mempertingkatkan usaha sama antara agensi kerajaan dan pertubuhan sivil bagi mendidik wanita dan kanak-kanak perempuan terhadap kepentingan penjagaan kesihatan dan serta hak dan perlindungan terhadap keganasan</p>	<p><i>Agensi Pelaksana</i></p> <p>JKM JPM JPW KATS KBS KDN KKM KKMM KPM KPWK KSM MEA MED MESTECC MOTAC PDRM PERPADUAN</p>	
			<p><b>II.A4.4:</b> Menambah baik persekitaran kehidupan warga emas</p>	<p>i. Mempromosi kesedaran sosial dalam kesukarelawanan bagi menggalak penyertaan komuniti terutama bella dalam aktiviti sukarela</p> <p>ii. Mempromosi penuaan aktif melalui komuniti mesra warga emas, pembelajaran sepanjang hayat dan konsep desa persaraan</p> <p>iii. Menggalak penyertaan warga emas dalam tenaga kerja</p> <p>iv. Mempertingkatkan lebih ramai penjaga dan profesional dalam bidang penjagaan geriatrik</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i></p> <p>KPWKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i></p> <p>JKM JPA KBS KKM KPKT KPLB KPM KPWK KSM KWP MOF PERPADUAN</p>	

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.A4.5:</b> Memperkasa orang kurang upaya</p>	<p>i. Melaksana program pendidikan dan kesedaran bagi mempertingkatkan tahap kesedaran awam mengenai keperluan dan hak OKU</p> <p>ii. Melaksana kajian semula yang menyeluruh terhadap dasar dan perundangan berkaitan OKU</p> <p>iii. Meningkatkan akses OKU kepada bidang utama seperti pendidikan, TVET, penjagaan kesihatan dan pemulihan dalam komuniti</p> <p>iv. Menambah baik pengambilan dan program pepadanan kerja bagi menggalak penyertaan OKU dalam tenaga kerja</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPWKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC JKM JPA KBS KKM KKMM KPKT KPM KPWKM KSM KWP</p>	
			<p><b>II.A4.6:</b> Memperkukuh institusi keluarga</p>	<p>i. Memperkukuh program pembangunan keibubapaan, perancangan keluarga dan kesihatan serta pengurusan kewangan</p> <p>ii. Menyemak dasar percukaian yang berkaitan</p> <p>iii. Mempertingkatkan akses kepada perkhidmatan reproduktif dan kesihatan keluarga seperti pemeriksaan mammogram dan vaksinasi Virus Human Papilloma (HPV)</p> <p>iv. Memberi pendidikan mengenai kepentingan peranan gender dan hak sosial kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPWKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC JPM KKM KPLB KPM KPWKM KSM LPPKN MOF</p>	2018-2020

## **TONGGAK II**

Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat (m.s. 11-1 hingga 11-27)

### **BIDANG KEUTAMAAN B**

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat (m.s. 11-18 hingga 11-26)

#### **OUTCOME NASIONAL**

Peningkatan kesejahteraan rakyat dalam aspek kuasa beli rakyat, perumahan mampu milik, penjagaan kesihatan, keselamatan dan ketenteraman awam serta pengamalan nilai murni dan gaya hidup aktif

#### **KPI NASIONAL**

- i. Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat kepada RM8,960
- ii. Sebanyak 200,000 unit rumah dibina untuk isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana oleh agensi Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan pihak swasta
- iii. Nisbah 2.0 katil hospital bagi setiap 1,000 penduduk
- iv. Peningkatan nisbah doktor kepada penduduk kepada 1:450
- v. Pengoptimuman masa respons kecemasan kepada 8 minit
- vi. Peningkatan persepsi rasa selamat kepada 60%
- vii. Penurunan paras kes jenayah indeks kepada 342 kes bagi setiap 100,000 penduduk
- viii. Pengoptimuman masa respons polis kepada 8 minit
- ix. Sebanyak 6,800 sekolah menubuhkan Kelab Rukun Negara
- x. Indeks Ketegangan Masyarakat tidak melebihi 18 kes per sejuta penduduk
- xi. 50% rakyat Malaysia membudayakan sukan
- xii. Pingat emas pertama Olimpik
- xiii. 50 atlet dalam kedudukan 8 terbaik dunia

#### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
2.	Meningkatkan kualiti hidup bagi kesejahteraan rakyat yang lebih baik <b>(m.s. 11-18)</b>	<b>II.B1:</b> Meningkatkan kuasa beli rakyat	<b>II.B1.1:</b> Menangani herotan pasaran dengan menggalakkan lebih banyak persaingan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempertingkatkan usaha untuk menghapuskan pelbagai herotan pasaran</li> <li>ii. Jawatankuasa khas peringkat menteri akan mengkaji semula amalan monopoli serta hak dan keistimewaan, termasuk dalam pemberian konsesi dan perolehan Kerajaan</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KKM MAMPU MOA MOT MYCC</p>	2018-2020
			<b>II.B1.2:</b> Menyediakan lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan dan kompetitif	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meneruskan subsidi ke atas barangan keperluan yang terpilih</li> <li>ii. Menyediakan lebih banyak ruang yang menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan</li> <li>iii. Menggalakkan koperasi untuk mengendali kedai harga patut untuk faedah ahli dan komuniti setempat</li> <li>iv. Menawarkan perkhidmatan pada harga yang berpatutan seperti penjagaan kesihatan primer, farmasi dan perhotelan melalui entiti wakaf dan koperasi</li> <li>v. Mengkaji pelbagai mod pelaksanaan subsidi petrol secara bersasar</li> <li>vi. Menyeragam harga barangan bersubsidi antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia</li> <li>vii. Mengembalikan semula Cukai Jual dan Perkhidmatan (SST) bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPDNHEP</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JAWHAR KPDNHEP MAI MEA MED MITI MOF PNS YWM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.B1.3:</b> Mempertingkatkan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga</p>	<p>i. Meneruskan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011</p> <p>ii. Mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan harga</p> <p>iii. Mempercepat proses penyelesaian aduan pengguna melalui Skwad Tindakan Aduan dan Resolusi serta Skwad Tindakan Khas</p> <p>iv. Mengkaji penubuhan ombudsman untuk memperkukuh perlindungan kepada pengguna</p> <p>v. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) sebagai badan utama bagi menangani isu dan cabaran berkaitan peningkatan kos sara hidup yang menjejaskan kesejahteraan rakyat</p>	<p>Agensi Penyelaras KPDNHEP</p> <p>Agensi Pelaksana KPDNHEP MEA MITI MOF</p>	2018-2020
			<p><b>II.B1.4:</b> Mempertingkatkan tahap konsumerisme</p>	<p>i. Mengalakkan pengguna memainkan peranan yang lebih besar dalam melaporkan amalan perniagaan tidak beretika melalui pelbagai saluran termasuk Skwad Pengguna, persatuan pengguna, <i>Friends of KPDNHEP</i> dan sistem EZ Adu</p> <p>ii. Menerapkan kesedaran konsumerisme dalam kalangan pelajar melalui Kelab Pengguna Sekolah dan Gerakan Pengguna Siswa</p> <p>iii. Memperkukuh peranan persatuan pengguna dengan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perkongsian maklumat dalam kalangan pengguna</p>	<p>Agensi Penyelaras KPDNHEP</p> <p>Agensi Pelaksana AKPK BNM KPDNHEP KPM MOF</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>II.B2:</b> Menyediakan perumahan mampu milik dan berkualiti	<b>II.B2.1:</b> Memperkukuh pengurusan perumahan mampu milik	<p>i. Majlis Perumahan Mampu Milik Negara akan ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan perumahan mampu milik di seluruh negara</p> <p>ii. Mempertiat pelaksanaan program perumahan mampu milik</p> <p>iii. Meningkatkan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi membendung kenaikan kos pembinaan rumah mampu milik</p> <p>iv. Merasionalisasi program perumahan mampu milik awam</p> <p>v. Mengkaji semula subsidi program perumahan mampu milik</p> <p>vi. Mengalakkan pembinaan perumahan mampu milik di atas tanah wakaf</p> <p>vii. Mengintegrasikan pelbagai pangkalan data perumahan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU JAWHAR KPKT KPLB KWP MEA MOF NAPIC PERDA PMB UDA Waqf UPN Sarawak YaPEIM YWM Semua PBT Semua UPEN</p>	<p>2018-2019 2018-2020</p>
			<b>II.B2.2:</b> Meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik untuk kumpulan sasaran	<p>i. Menyediakan insentif untuk pemaju yang membina perumahan mampu milik</p> <p>ii. Pengalakkan penggunaan teknologi seperti sistem binaan berindustri (IBS) dan mengguna pakai reka bentuk standard untuk perumahan mampu milik</p> <p>iii. Menambah baik skim pembiayaan perumahan sedia ada</p> <p>iv. Meningkatkan akses kepada pembiayaan perumahan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> BNM KKR KPKT KPLB KWP MEA MOF</p>	<p>2018-2020</p>



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.B2.3:</b> Menggalkan penyediaan kemudahan yang mesra persekitaran untuk menambah baik daya huni</p>	<p>i. Meningkatkan usaha untuk memastikan 1% daripada jumlah unit rumah mampu milik yang dibina disediakan kepada kumpulan sasar khusus, terutama OKU, warga emas dan ibu tunggal</p> <p>ii. Menambah baik perancangan perumahan dan kawasan tempatan</p> <p>iii. Membina kemudahan mesra persekitaran di sekitar kawasan perumahan yang berkepadatan tinggi</p> <p>iv. Memperkukuh kerja pembaikan dan pengenggaraan utama di perumahan kos rendah dan sederhana awam serta swasta</p> <p>v. Memupuk rasa memiliki bersama dalam kalangan penghuni perumahan awam</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> BPH KDN KKM KPKT KPLB KPM KWP MEA MINDEF MOF</p>	2018-2020
		<p><b>II.B3:</b> Memperkukuh sistem penyampaian penjagaan kesihatan</p>	<p><b>II.B3.1:</b> Mewujudkan sistem kesihatan yang mampan</p>	<p>i. Memperkenalkan Dasar Kesihatan Negara</p> <p>ii. Memperkukuh penyelarasan dan penguatkuasaan pada peringkat nasional, wilayah dan negeri dalam bidang kesihatan persekitaran, kebersihan dan sanitasi serta keselamatan makanan dan pemakanan</p> <p>iii. Meneroka skim pembiayaan kesihatan nasional</p> <p>iv. Membina lebih banyak hospital dan klinik serta menaik taraf kemudahan kesihatan sedia ada</p> <p>v. Memperluas konsep hospital kluster</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC DOA DOF DVS ICU JPA KKM KKMIM KKR KPKT KPLB KPM KPWK KWP MOA</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>vi. Menyelaras pembangunan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan yang baharu dengan keperluan sumber manusia</p> <p>vii. Memperluas liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan primer seperti kesihatan domisiliari, penjagaan paliatif, klinik bergerak serta program jangkauan penjagaan kesihatan oral dan karnival saringan mata</p> <p>viii. Memperkukuh intervensi pencegahan kesihatan secara komprehensif merangkumi imunisasi, pemakanan, sanitasi, penjagaan antenatal dan perinatal</p> <p>ix. Menggubal dasar dan peraturan baharu bagi mengawal selia produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan dalam talian. Rangka kerja kawal selia dan dasar bagi perancangan ke hadapan tersebut akan turut mengambil kira perkhidmatan dan teknologi baru muncul seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan digital, analisa data raya, <i>blockchain</i> dan kecerdasan buatan</p>	<p>MEA MOF MOTAC UPN Sarawak Semua PBT Semua UPEN</p>	
			<p><b>II.B3.2:</b> Mengoptimum sumber kewangan untuk penjagaan kesihatan</p>	<p>i. Mempergiat mekanisme pembiayaan alternatif dan mampan seperti dana antarabangsa dan wakaf dalam penjagaan kesihatan</p> <p>ii. Mengalakkan sektor swasta dan NGO menubuhkan lebih banyak kemudahan kesihatan bagi isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana</p>	<p>Agensi Penyelaras KKM</p> <p>Agensi Pelaksana AGC JANM JAWHAR KKM MEA MOF YWM Semua MAIN</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.B3.3:</b> Memperkuh kesihatan penduduk</p>	<p>i. Mempergiat pelaksanaan pelbagai inisiatif kesihatan seperti penyelidikan dan pembangunan, program imunisasi, saringan kesihatan dan kesedaran kesihatan</p> <p>ii. Memperkuh pelaksanaan program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) dan Komunikasi untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI)</p> <p>iii. Mempergiat pelaksanaan pelbagai dasar seperti Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (2016-2025), Akta Air Minum yang Selamat 2017, Pelan Strategik Kebangsaan untuk Gaya Hidup Aktif (2017-2025) dan Pelan Strategik Malaysia Penyakit Baru Muncul dan Kejadian Kecemasan Kesihatan Awam (2017-2021)</p> <p>iv. Membina sebuah pusat kawalan dan pencegahan penyakit kebangsaan dan sebuah pusat kanser baharu di wilayah utara</p> <p>v. Memperkasa peranan Institut Kesihatan Negara</p> <p>vi. Merangka pelan tindakan kesihatan mental</p> <p>vii. Menambah baik akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi semasa mengandung dan melahirkan anak</p> <p>viii. Meneruskan penyediaan akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif serta perancangan keluarga</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU JPA KBS KDN KKM KKR KPKT KPLB KPM KPWKM KSM MEA MOF UPN Sarawak PERPADUAN Semua PBT Semua UPEN</p>	2018-2020

#### Pelan Pelaksanaan Dasar

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>II.B3.4:</b> Mempererat kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan</p>	<p>i. Menambah baik masa respons kecemasan, pencegahan wabak, kesiapsiagaan terhadap bencana termasuk respons dan mitigasi serta rehabilitasi awal</p> <p>ii. Menggalakkan sektor swasta dan NGO menyediakan lebih banyak khidmat sosial bagi memenuhi keperluan pesakit dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana, yang memerlukan rawatan jangka panjang</p> <p>iii. Memperkukuh Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Domisiliari dan Program Khidmat Bantu di Rumah melalui penyertaan yang lebih meluas daripada sektor swasta, CSO, NGO dan sukarelawan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> APM KDN KKM KPKT KPLB KPM KPWK MEA MKN MOF NADMA UPN Sarawak Semua PBT Semua UPEN</p>	
	<p><b>II.B4:</b> Menjadikan negara lebih selamat dan terjamin</p>	<p><b>II.B4.1:</b> Memperkukuh agensi penguatkuasaan dan keselamatan</p>	<p>i. Meningkatkan kebolehan dan keupayaan anggota penguat kuasa dan keselamatan terutama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi:</p> <p>a. latihan yang lebih sistematik dan kursus khusus yang terkini</p> <p>b. peralatan yang bersesuaian bagi pengumpulan maklumat perisikan, penyiasatan, penganalisan bukti dan pendakwaan</p> <p>ii. Meningkatkan kawalan dan pengawasan sempadan bagi mengkeang pencerobohan dan menghalang sebarang kemasukan yang menyalahi undang-undang dan aktiviti haram termasuk pergerakan pengganas</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KDN</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AKSEM APMM ESSCOM JIM JKDM KKMIM MINDEF MKN NACSA PDRM</p>	2018-2020	

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Mempertingkatkan kerjasama antarabangsa melalui persefahaman dua hala dan pelbagai hala dan badan kepolisian antarabangsa</li> <li>iv. Memperkukuh kerjasama dengan agensi respons kecemasan siber pada peringkat antarabangsa untuk mengesan amaran awal terhadap bentuk ancaman siber baharu</li> </ul>		
			<p><b>II.B4.2:</b> Mempertingkatkan usaha pencegahan jenayah</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempertingkatkan langkah untuk membanteras jenayah menerusi: <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Program <i>Omnipresence</i> dengan menempatkan semula anggota polis</li> <li>b. Mengukuhkan libat urus dan meningkatkan penyertaan orang awam dalam pencegahan jenayah</li> </ul> </li> <li>ii. Memperluas program pembudayaan dan kesedaran mengenai pencegahan jenayah</li> <li>iii. Mempertingkatkan penglibatan NGO dan orang awam dalam program rawatan, pemulihan dan pascapemulihan; mengenal pasti kes baharu penyalahgunaan dadah; serta pelaksanaan program jangkauan dan sokongan komuniti</li> </ul>	<p>Agensi Penyelaras KDN</p> <p>Agensi Pelaksana AADK KKM KPM Jabatan Penjara JKM PDRM PERPADUAN</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>II.B5:</b> Menggalakkan nilai murni dan gaya hidup aktif	<b>II.B5.1:</b> Menggalakkan nilai murni	<p>i. Menggalakkan nilai etika dan moral bagi membina masyarakat Malaysia yang progresif dan bersatu</p> <p>ii. Menyemai nilai murni seperti jujur, sopan, hormat, sabar dan integriti dalam kalangan rakyat melalui program pendidikan dan kempen kesedaran</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> GIACC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JPM KBS KKMM KPM MOTAC PERPADUAN</p>	2018-2020
			<b>II.B5.2:</b> Memupuk budaya kebangsaan	<p>i. Mengekalkan kepelbagaian budaya masyarakat dan membentuk identiti Malaysia</p> <p>ii. Memperkukuh peranan keluarga, sekolah dan komuniti dalam membentuk nilai dan membina jati diri generasi muda Malaysia yang utuh</p> <p>iii. Mempromosi warisan negara, nilai budaya dan elemen sejarah masyarakat Malaysia yang berbilang kaum</p> <p>iv. Menggalakkan seni, budaya dan industri kreatif bagi mempromosi nilai murni dan memupuk budaya kebangsaan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOTAC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JPM KBS KKMM KPM KPWK MOTAC PERPADUAN UPN Sarawak Semua UPEN</p>	2018-2020
			<b>II.B5.3:</b> Memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan nasional	<p>i. Menubuhkan Majlis Perundingan Keharmonian Rakyat (MPKR)</p> <p>ii. Memperkukuh integrasi sosial dan perpaduan nasional untuk interaksi, libat urus dan kerjasama yang lebih baik dalam kalangan rakyat</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> PERPADUAN</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JPA JPM KPM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Menggubal undang-undang berkaitan keharmonian negara bagi memastikan kesaksamaan dan menghapuskan diskriminasi</li> <li>iv. Membangunkan indeks perpaduan nasional yang berfungsi sebagai instrumen pemantauan bagi mengukur tahap perpaduan dan keharmonian negara</li> <li>v. Mengalakkan program bertemakan perpaduan menggunakan platform sukan, kesukarelawanan, seni dan budaya serta komuniti</li> </ul>	<p>KPWKM KKMM KBS MEA MOF MOTAC PERPADUAN</p>	
			<p><b>II.B5.4:</b> Menggalkan amalan gaya hidup aktif dan sihat</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membangun dan menaik taraf kemudahan sukan dan rekreasi</li> <li>ii. Mengalakkan penggunaan kemudahan sukan di sekolah kerajaan serta institusi pendidikan tinggi dan institusi latihan awam</li> <li>iii. Menggubungkan pendekatan baharu keseluruhan sukan di Malaysia dalam merangka pelan hala tuju sukan negara</li> <li>iv. Mempergiat program pembangunan bakat sukan dalam mengenal pasti dan membimbing atlet yang berpotensi pada peringkat sekolah dan pendidikan tertiar</li> <li>v. Membangunkan rangka kerja sukan negara yang bersepadu dan efektif</li> <li>vi. Meneruskan sokongan kepada atlet elit melalui pelbagai program sukan berprestasi tinggi</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KBS</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KBS KKMM KPKT KPM KWP MOTAC PERPADUAN</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak II: Memperkukuh Pembangunan Inklusif dan Kesejahteraan Rakyat

*(Muka surat ini dibiarkan kosong)*





Menuju ke arah Pembangunan  
Wilayah yang Seimbang



### **TONGGAK III**

Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang (m.s. 12-1 hingga 12-25)

### **BIDANG KEUTAMAAN A**

Memperkuh Pembangunan Ekonomi Wilayah (m.s. 12-6 hingga 12-16)

### **OUTCOME NASIONAL**

Pembangunan sosioekonomi wilayah yang seimbang

#### **KPI NASIONAL**

- i. Peningkatan KDNK per kapita mengikut wilayah pada tahun 2020:
  - Wilayah Utara (RM36,527)
  - Wilayah Tengah (RM70,452)
  - Wilayah Timur (RM28,183)
  - Wilayah Selatan (RM39,166)
  - Wilayah Sabah (RM28,632)
  - Wilayah Sarawak (RM56,026)
- ii. Kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK mengikut wilayah (2018-2020):
  - Wilayah Utara (4.3%)
  - Wilayah Tengah (6.1%)
  - Wilayah Timur (4.7%)
  - Wilayah Selatan (5.2%)
  - Wilayah Sabah (4.3%)
  - Wilayah Sarawak (3.6%)
- iii. Penyediaan satu Laporan Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu

### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)



BIL.	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
1.	Mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah <b>(m.s. 12-6)</b>	<b>III.A1:</b> Memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri dan wilayah	<b>III.A1.1:</b> Menyediakan rangka kerja pembangunan wilayah bersepadu	<p>i. Melaksanakan kajian bagi menyediakan rangka kerja pembangunan wilayah yang bersepadu untuk memperkemas dasar, pelan induk dan strategi supaya sejajar dengan perancangan spatial negara</p> <p>ii. Memastikan penyelarasan antara negeri dan dalam negeri yang lebih baik dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU KPLB KWP MOF PLANMalaysia UPN Sarawak Semua LKW Semua PBK Semua UPEN</p>	2018-2020
			<b>III.A1.2:</b> Memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun	<p>i. Menyelaras pengagihan peruntukan pembangunan dengan keutamaan diberi kepada enam negeri kurang membangun iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> Semua kementerian</p>	2018-2020
			<b>III.A1.3:</b> Meningkatkan peranan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN)	<p>i. Mengadakan kerjasama yang lebih terselaras dan bersepadu antara PKEN dengan agensi kerajaan yang berkaitan di peringkat wilayah dan sektor swasta untuk merangsang pembangunan wilayah</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> UPN Sarawak Semua LKW Semua PBK Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Pengal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

3-4

BIL.	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.A1.4:</b> Menggalakkan penyelarasan antara negeri dalam penyediaan infrastruktur</p>	<p>i. Menubuhkan jawatankuasa peringkat atasan bagi mempertingkat penyelarasan perancangan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA  <i>Agensi Pelaksana</i> ICU UPN Sarawak Semua kementerian Semua UPEN</p>	2018-2020
		<p><b>III.A2:</b> Memoden dan mempelbagai asas ekonomi</p>	<p><b>III.A2.1:</b> Memperkukuh ekosistem untuk aktiviti ekonomi</p>	<p>i. Meningkatkan pembangunan modal insan, menambah baik infrastruktur dan utiliti termasuk liputan jalur lebar, kemudahan logistik serta memperkukuh rangkaian rantaian bekalan bagi menarik pelaburan berkualiti</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA  <i>Agensi Pelaksana</i> KKMM KPLB KSM MIDA MOT SKMM UPN Sarawak Semua LKT Semua LKW Semua PBK Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020

BIL.	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.A2.2:</b> Memberi tumpuan kepada aktiviti kluster terpilih</p>	<p>i. Menggalakkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan, terutama untuk program dan projek berimpak tinggi dalam aktiviti kluster terpilih yang dikenal pasti</p> <p>ii. Mempertiat kerjasama antara negeri dan dalam kalangan wilayah untuk mewujudkan sinergi dan meningkatkan manfaat ekonomi</p> <p>iii. Menggalakkan wilayah untuk memoden dan mempelbagai asas ekonomi bagi melonjakkan aktiviti nilai ditambah yang tinggi dan mendorong pertumbuhan yang lebih tinggi</p> <p>iv. Mempertiat usaha untuk memodenkan sektor pertanian, memperluas aktiviti hiliran melalui penggunaan teknologi moden</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MITI</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPLB MIDA UPN Sarawak Semua LKT Semua LKW Semua PBK Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020
			<p><b>III.A2.3:</b> Meningkatkan kemahiran dan pembangunan modal insan</p>	<p>i. Membangunkan strategi bersasar untuk menarik pelaburan yang akan mewujudkan pekerjaan mahir berdasarkan keperluan industri</p> <p>ii. Melaksanakan usaha untuk memenuhi permintaan industri termasuk peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran tenaga kerja sedia ada melalui pembudayaan inovasi dan peningkatan penggunaan teknologi maklumat</p> <p>iii. Melaksanakan program khusus oleh institusi latihan tempatan dengan kerjasama pihak industri</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM UPN Sarawak Semua agensi latihan Semua LKT Semua LKW Semua PBK Semua UPEN</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

BIL.	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>III.A3:</b> Menggalakkan bandar yang berdaya saing	<b>III.A3.1:</b> Menambah baik potensi bandar utama bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi wilayah	<p>i. Memanfaatkan empat bandar utama untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi, menjadi lebih aktif, produktif dan berdaya huni</p> <p>ii. Melaksanakan program Pelan Induk Daya Saing (CCMP) antaranya perancangan dan pembangunan bandar, penyediaan pengangkutan awam dan perumahan mampu milik serta penambahbaikan ketersambungan digital</p> <p>iii. Melaksanakan kajian CCMP bagi bandar Georgetown dan Kuantan</p>	<p><i>Agensi/ Penyelaras</i> KPKT</p> <p><i>Agensi/ Pelaksana</i> KKMIM KPKT KPM KPWK KSM KWP MEA MESTECC MOT PLANMalaysia UPN Sarawak Semua PBK Semua PBT Semua UPEN</p>	2018-2020
			<b>III.A3.2:</b> Meningkatkan daya saing bandar untuk kehidupan dan ketersambungan yang lebih baik	<p>i. Menambah baik garis panduan perancangan bandar</p> <p>ii. Meningkatkan daya huni dan inklusiviti dalam kalangan penduduk bandar, khususnya isi rumah berpendapatan 40% terendah</p> <p>iii. Menambah baik perkhidmatan bandar melalui pembangunan Pusat Transformasi Bandar</p>	<p><i>Agensi/ Penyelaras</i> KWP</p> <p><i>Agensi/ Pelaksana</i> KPKT KPWK MOF PLANMalaysia UPN Sarawak Semua PBT Semua UPEN</p>	2018-2020

BIL.	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INIISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.A3.3:</b> Mempercepat pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti</p>	<p>i. Mempercepat pembangunan di kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti, termasuk kawasan konurbasi, zon promosi pembangunan dan pusat katalis bagi menjadi hab pemangkin pertumbuhan ekonomi</p> <p>ii. Mempercepat pembangunan di kawasan tertentu di Sarawak untuk mengoptimalkan potensi ekonomi dan menjana peluang pekerjaan bagi penduduk setempat</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPKT RECODA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KWP PLANMalaysia UPN Sarawak Semua PBK Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020
		<p><b>III.A4:</b> Memperkukuh kerjasama serantau ASEAN</p>	<p><b>III.A4.1:</b> Mempercepat pembangunan di Zon Ekonomi Khas (SEZ)</p>	<p>i. Mempertingkat kerjasama serantau melalui Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) bagi mempercepat pembangunan di zon SEZ Bukit Kayu Hitam dengan Songkhla (Thailand) serta Arun, Tanjung Api-Api dan Sei Mangkei (Indonesia)</p> <p>ii. Meningkatkan pembangunan perdagangan serantau di Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA)</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> PLANMalaysia UPN Sarawak Semua PBK Semua PBT Semua PKEN Semua UPEN</p>	2018-2020
			<p><b>III.A4.2:</b> Meningkatkan ketersambungan serantau dalam IMT-GT dan BIMP-EAGA</p>	<p>i. Memantau pelaksanaan sembilan projek infrastruktur di bawah IMT-GT <i>Physical Connectivity Projects</i> untuk memudah cara aktiviti perdagangan di serpadan dan menambah baik ketersambungan</p> <p>ii. Memantau pelaksanaan tujuh projek BIMP-EAGA <i>Priority Infrastructure Projects</i> untuk meningkatkan perdagangan dan ketersambungan dengan negara anggota</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JKR KDN KLN KKR MOT UPN Sarawak Semua PBK Semua PBT Semua UPEN</p>	2018-2020

#### Pelan Pelaksanaan Dasar

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

### **TONGGAK III**

Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang (m.s. 12-1 hingga 12-25)

### **BIDANG KEUTAMAAN B**

Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar (m.s. 12-16 hingga 12-20)

### **OUTCOME NASIONAL**

Mencapai pembangunan yang seimbang antara bandar dan luar bandar

### **KPI NASIONAL**

- i. Pembinaan 3,000 kilometer jalan berturap
- ii. Pertambahan 60,000 rumah menerima bekalan air bersih dan terawat
- iii. Pertambahan 41,160 rumah menerima bekalan elektrik
- iv. Penaiktarafan 1,000 menara telekomunikasi sedia ada dan pembinaan 300 menara baharu
- v. Pengurangan ketidaksamaan pendapatan isi rumah antara bandar dan luar bandar pada nisbah 1:0.67

### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)





BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
2.	Mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar dalam setiap negeri dan wilayah <b>(m.s. 12-16)</b>	<b>III.B1:</b> Mempertingkatkan infrastruktur luar bandar	<b>III.B1.1:</b> Meningkatkan penyediaan rangkaian jalan raya	<p>i. Memperluas liputan jalan luar bandar dengan membina dan menaik taraf baki 1,458 kilometer jalan berturap di kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi mencapai sasaran pembinaan 3,000 kilometer pada tahun 2020</p> <p>ii. Melaksanakan penyenggaraan jalan secara berterusan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU JKR JPS KKR KPI Sabah KPLB MIDT Sarawak MOA Semua LKT Semua LKW</p>	2018-2020
			<b>III.B1.2:</b> Memperluas liputan bekalan air	<p>i. Memperluas liputan bekalan air bersih luar bandar dengan memastikan 60,000 tambahan rumah luar bandar menerima bekalan air bersih dan terawat</p> <p>ii. Mempergiat usaha menaik taraf paip dan sistem retikulasi sedia ada</p> <p>iii. Memastikan pencapaian sasaran 99% liputan bekalan air bersih luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KATS KPLB Semua LKT Semua LKW Semua PBAN</p>	2018-2020
			<b>III.B1.3:</b> Meningkatkan liputan bekalan elektrik	<p>i. Memastikan 41,160 tambahan rumah di luar bandar menerima bekalan elektrik</p> <p>ii. Memperluas liputan bekalan elektrik luar bandar dengan melaksanakan penajaan luar grid untuk kawasan pedalaman dan terpencil</p> <p>iii. Membangunkan sistem alternatif seperti hibrid solar serta hidro mikro dan piko untuk menyokong rangkaian luar grid</p> <p>iv. Memastikan pencapaian sasaran 99% liputan bekalan elektrik luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPLB SEB SESB TNB Semua LKT Semua LKW</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.B1.4:</b> Menambah baik infrastruktur digital</p>	<p>i. Mempertingkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar luar bandar dengan menaik taraf 1,000 menara telekomunikasi dan membina 300 menara telekomunikasi baharu</p> <p>ii. mengoptimum kemudahan dan perkhidmatan <i>telecentre</i></p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKMM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> K-PI Sabah KPLB MIDT Sarawak SKMM SMA UPN Sarawak Semua UPEN</p>	2018-2020
	<p><b>III.B2:</b> Menambah baik hubungan antara bandar dan luar bandar</p>	<p><b>III.B2.1:</b> Mempertingkatkan ketersambungan dan pergerakan bagi memperkukuh ekonomi luar bandar</p>	<p>i. Menyediakan lebih banyak bas bagi laluan ulang alik di kawasan luar bandar</p> <p>ii. Mengkaji sistem pengangkutan awam berasaskan komuniti di kawasan luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> APAD KPI Sabah KPKT KPLB MARA MIDT Sarawak</p>	2018-2020	
			<p><b>III.B2.2:</b> Memperluas akses kepada perkhidmatan asas</p>	<p>i. Menambah baik perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan primer serta penyediaan rumah mampu milik dan berkualiti</p> <p>ii. Menjenamakan semula pusat sehenti pelbagai perkhidmatan dan perniagaan di luar bandar, iaitu Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC dengan mengkaji semula fungsi dan lokasi RTC serta mempertingkatkan peranan mini RTC</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KKM KPKT KPLB KPM Semua LKT Semua LKW</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>III.B3:</b> Mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar	<b>III.B3.1:</b> Menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta	<p>i. Mempertingkatkan penyertaan sektor swasta bagi menarik pelaburan bernilai tinggi dan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (CSR)</p> <p>ii. Menggalakkan syarikat yang berwibawa untuk menerajui aktiviti perniagaan dan keusahawanan luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KBS KPLB MARAs MED MITI MOA SIRIM UPN Sarawak Semua LKT Semua LKW Semua PBK Semua UPEN</p>	2018-2020
			<b>III.B3.2:</b> Menggalakkan aktiviti ekonomi luar bandar yang mampan	<p>i. Menggalakkan aktiviti ekonomi luar bandar seperti industri asas tani dan ekopelancongan</p> <p>ii. Mempertingkatkan aktiviti dalam sektor pembuatan dan pertanian melalui pembangunan industri berasaskan sumber dengan memanfaatkan kelebihan setempat</p> <p>iii. Memberi sokongan kepada usahawan mikro dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk aktiviti perniagaan di luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KBS KPLB MARAs MED MOA MOTAC Semua LKT Semua LKW Semua PBK</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.B3.3:</b> Memperluas pelaksanaan inisiatif di bawah konsep Kampung Maju Abad Ke-21</p>	<p>i. Memperkukuh inisiatif Kampung Maju Abad ke-21 dengan mengadakan program perkongsian strategik dengan syarikat swasta dan anak syarikat kerajaan</p> <p>ii. Mewujudkan dan membantu pembangunan perniagaan 200 koperasi kampung</p> <p>iii. Membangunkan kemahiran usahawan mikro dan PKS luar bandar dalam membuat keputusan perniagaan, meningkatkan pembangunan kapasiti dan memupuk kesedaran mengenai kualiti produk</p> <p>iv. Memberi bantuan kepada PKS luar bandar untuk mengkomersialkan produk berinovatif dan mendapatkan akses kepada pembiayaan awal perniagaan</p> <p>v. Meningkatkan aktiviti pelancongan luar bandar seperti inap desa, ekopelancongan dan agropelancongan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPLB MED MOTAC SKM UPN Sarawak Semua LK Semua LKW Semua PBK Semua UPEN</p>	2018-2020
			<p><b>III.B3.4:</b> Memfaatkan ekonomi digital</p>	<p>i. Mempertingkatkan penerapan teknologi maklumat dan komunikasi dengan memperluas penerimagaan teknologi digital, menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan, menjayakan mekanisme e-bayaran, mempertingkatkan perdagangan melalui e-dagang dan menggalakkan penggunaan hab <i>fulfilment</i></p> <p>ii. Memastikan inisiatif dalam Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan dilaksanakan untuk mempromosi dan menggalakkan perniagaan terutamanya kepada PKS</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKMIM MITI</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPDNHEP KPLB MDEC MED MITI SKMM Semua LKW Semua PBK</p>	

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.B3.5:</b> Mempertingkat pengetahuan dan kemahiran untuk menambah baik keupayaan mendapatkan pekerjaan</p>	<p>i. Mempertingkat pengetahuan dan kemahiran modal insan masyarakat luar bandar</p> <p>ii. Menyediakan kemudahan yang mencukupi di institusi latihan bagi menyokong peningkatan kemahiran belia luar bandar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KBS KPDNHEP KPLB KSM MARA MDEC MED MOA SME Corp Semua LKT Semua LKW Semua PBK</p>	2018-2020

### **TONGGAK III**

Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang (m.s. 12-1 hingga 12-25)

### **BIDANG KEUTAMAAN C**

Mempercepat Pembangunan di Sabah dan Sarawak (m.s. 12-20 hingga 12-24)

### **OUTCOME NASIONAL**

Mempercepat pertumbuhan dan mengurangkan jurang pembangunan di Sabah dan Sarawak dengan wilayah lain

### **KPI NASIONAL**

- i. Peningkatan KDNK per kapita mengikut wilayah pada tahun 2020:
  - Wilayah Sabah (RM28,632)
  - Wilayah Sarawak (RM56,026)
- ii. Kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK mengikut wilayah (2018-2020):
  - Wilayah Sabah (4.3%)
  - Wilayah Sarawak (3.6%)
- iii. Pencapaian sasaran 99% liputan bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak
- iv. Pembinaan 106 menara telekomunikasi baharu di Sabah dan Sarawak
- v. Penaiktarafan 400 menara telekomunikasi di Sabah dan Sarawak
- vi. Pemetaan tambahan 51,000 hektar tanah adat di Sabah
- vii. Pemetaan tambahan 225,600 hektar tanah adat di Sarawak

### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEPOH MASA
3.	Mempercepat pertumbuhan dan mengurangkan jurang pembangunan di Sabah dan Sarawak dengan wilayah lain <b>(m.s. 12-20)</b>	<b>III.C1:</b> Mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan	<b>III.C1.1:</b> Meningkatkan peranan agensi pembangunan di Sabah dan Sarawak	<p>i. Memperkukuh peranan agensi pembangunan negeri dalam perancangan pembangunan ekonomi</p> <p>ii. Memperkukuh usaha untuk memudah cara dan menggalakkan pelaburan, terutama untuk menyokong usahawan tempatan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MEA UPEN Sabah UPN Sarawak</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ICU KPLB MEA MED RECODA SEDIA</p>	2018-2020
			<b>III.C1.2:</b> Membangunkan sektor ekonomi terpilih	<p>i. Membangunkan sektor ekonomi terpilih dengan memanfaatkan kekayaan sumber di Sabah dan Sarawak</p> <p>ii. Mengekalkan industri berasaskan kelapa sawit sebagai industri utama, manakala industri perkhidmatan berkaitan pelancongan dan industri asas tani turut dibangunkan</p> <p>iii. Meningkatkan aspek ketenteraman dan keselamatan pantai timur Sabah bagi memastikan industri pelancongan terus berkembang</p> <p>iv. Memanfaatkan taman perindustrian dan bandar baharu di Sarawak untuk menarik lebih banyak pelaburan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> UPEN Sabah UPN Sarawak</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> ESSCOM MEA MIDA MOA MOTAC MPI RECODA SEDIA</p>	2018-2020
			<b>III.C1.3:</b> Menyedia agihan hasil petroleum secara wajar	<p>i. Menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan menyelaraskan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)</p> <p>ii. Melaksana keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak dan menyelaraskan MA63</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> BHEUU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> AGC MEA MOF PETRONAS SUK Sabah SUK Sarawak</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.C1.4:</b> Menambah baik perkhidmatan bekalan tenaga</p>	<p>i. Mengalakkan Sabah untuk merangka strategi perancangan tenaga yang menyeluruh, bagi meningkatkan jaminan bekalan, menilai semula struktur tarif dan menambah baik kualiti perkhidmatan bekalan tenaga</p> <p>ii. Melaksana reformasi yang bersesuaian termasuk struktur tarif, untuk mampan dari segi kewangan oleh Sabah Electricity Sendirian Berhad (SESB)</p> <p>iii. Mempergiat usaha untuk menangani kekurangan bekalan elektrik di kawasan pantai timur Sabah, menerusi pengukuhan grid sedia ada</p> <p>iv. Membina <i>Southern Link</i> bagi menyediakan litaran penghantaran yang lengkap dalam grid negeri</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MESTECC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> MESTECC SESB UPEN Sabah</p>	2018-2020
	<p><b>III.C2:</b> Mempertingkatkan infrastruktur untuk menambah baik ketersambungan</p>	<p><b>III.C2.1:</b> Meningkatkan liputan dan ketersambungan jalan raya</p>	<p>i. Memperluas rangkaian jalan raya termasuk pembinaan jalan luar bandar dan jalan empangan hidro serta menaik taraf bekas jalan balak</p> <p>ii. Meneruskan pelaksanaan pembinaan lebuhraya Pan Borneo</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKR KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JKR Sabah JKR Sarawak KKR KPI Sabah KPLB MIDT Sarawak RECODA UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020	



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.C2.2:</b> Meningkatkan kapasiti dan kecekapan lapangan terbang dan pelabuhan</p>	<p>i. Meneruskan pelaksanaan projek pembinaan lapangan terbang baharu di Mukah</p> <p>ii. Meneruskan pelaksanaan projek peluasan Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MOT</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CAAM JPD Sabah JKR Sabah LPPS MAHB MIDT Sarawak RECODA Sabah Ports Sdn Bhd SEDIA</p>	2018-2022
	<p><b>III.C3:</b> Memperluas akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas</p>	<p><b>III.C3.1:</b> Mempertingkatkan akses kepada bekalan air dan elektrik</p>	<p>i. Mempertingkatkan pelaksanaan penyediaan bekalan air dan elektrik</p> <p>ii. Menggalakkan lebih banyak syarikat swasta dan badan bukan kerajaan untuk membantu menyediakan bekalan air bersih melalui program CSR serta meneroka sumber bekalan air alternatif di kawasan pedalaman</p> <p>iii. Membina dan menaik taraf rangkaian penjanaan, penghantaran dan pengagihan sistem bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak</p> <p>iv. Menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar, hidro makro dan piko serta biojisim, terutama di kawasan terpencil</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPLB</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> Kementerian Utiliti Sarawak KPI Sabah KPLB PBAN Sabah PBAN Sarawak SESB UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020	


BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.C3.2:</b> Meningkatkan liputan jalur lebar</p>	<p>i. Meningkatkan kerjasama antara SKMM dengan kerajaan negeri serta PBT untuk perancangan dan pelaksanaan pemasangan infrastruktur jalur lebar yang lebih cekap</p> <p>ii. Membina 106 menara telekomunikasi baharu dan menaik taraf 400 menara telekomunikasi di Sabah dan Sarawak</p> <p>iii. Menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan infrastruktur digital</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKMM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> SKMM SMA UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020
			<p><b>III.C3.3:</b> Menyediakan akses yang lebih baik kepada perumahan mampu milik serta perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan</p>	<p>i. Menyediakan kemudahan pendidikan berkualiti bagi meningkatkan pembangunan modal insan</p> <p>ii. Menaik taraf sekolah daif berdasarkan keperluan</p> <p>iii. Mempertingkatkan akses kepada internet dan bekalan elektrik di lebih banyak sekolah khususnya di luar bandar</p> <p>iv. Melaksana program perumahan mampu milik sedia ada dengan kerjasama kerajaan negeri</p> <p>v. Menggalakkan kerajaan negeri untuk mempercepat pelaksanaan program rumah mampu milik dan memastikan pemaju perumahan swasta mematuhi kuota pembinaan rumah mampu milik</p> <p>vi. Menaik taraf 3 buah hospital sedia ada di Papar, Miri dan Lawas</p> <p>vii. Meneruskan perkhidmatan doktor udara dan klinik bergerak untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan di kawasan pedalaman</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KKM KPKT KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> HDC Sarawak JKR Sabah JKR Sarawak KKM KKMM K-PI Sabah KPKT KPLB KPM MESTR Sarawak UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INIISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>III.C4:</b> Menambah peluang pekerjaan	<b>III.C4.1:</b> Meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula modal insan	<p>i. Menyediakan latihan kemahiran insaniah dan praktikal bagi meningkatkan kualiti pekerja</p> <p>ii. Menambah baik 52 institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam di Sabah dan 54 institusi TVET awam di Sarawak</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPLB KSM SEDIA UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020
			<b>III.C4.2:</b> Meningkatkan kemahiran dalam industri khusus	<p>i. Meningkatkan kemahiran terpilih seperti kemahiran asas bahasa dan kemahiran memandu pelancong dalam bidang kluster ekonomi khusus, iaitu hospitaliti dan pengurusan dalam sektor pelancongan</p> <p>ii. Memberi latihan kepada pemilik inap desa dan penduduk setempat untuk memanfaatkan platform yang dikongsi bersama untuk memperluas liputan pasaran di peringkat antarabangsa</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KKMIM KSM MOTAC SEDIA UPEN Sabah UPN Sarawak</p>	2018-2020
		<b>III.C5:</b> Meningkatkan pembangunan tanah adat	<b>III.C5.1:</b> Mempergiat aktiviti pengukuran dan pemetaan tanah	<p>i. Mempercepat penentuan sempadan Hak Tanah Adat (NCR) dengan pengukuran dan pemetaan tanah adat di tambahan kawasan seluas 51,000 hektar di Sabah dan 225,600 hektar di Sarawak</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> ICU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JTS Sarawak JTU Sabah</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak III: Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>III.C5.2:</b> Mempercepat pembangunan tanah NCR</p>	<p>i. Membangunkan tanah NCR di Sabah dan Sarawak secara komersial bagi aktiviti pertanian</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> ICU</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> DOA Sarawak MAFI Sabah MANRED Sarawak MOA RECODA SALCRA SEDIA SLDB UPEN Sabah UPN Sarawak Semua LKT</p>	2018-2020



# Memperkasa Modal Insan



#### **TONGGAK IV**

Memperkasa Modal Insan (m.s. 13-1 hingga 13-17)

#### **BIDANG KEUTAMAAN A**

Mereformasi Pasaran Buruh (m.s. 13-5 hingga 13-7)

#### **OUTCOME NASIONAL**

Penambahbaikan kualiti pekerjaan untuk menyumbang peningkatan produktiviti buruh

#### **KPI NASIONAL**

- i. Pertumbuhan produktiviti buruh tahunan pada kadar 2.9% bagi 2018-2020
- ii. Pampasan pekerja kepada KDNK pada kadar 38% pada tahun 2020
- iii. Gaji penengah bulanan adalah RM2,400 pada tahun 2020

#### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Sumber Manusia (KSM)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
1.	<p>Mereformasi pasaran buruh bagi memastikan kualiti pekerjaan, gaji dan upah yang tinggi (<i>m.s. 13-5</i>)</p>	<p><b>IV.A1:</b> Menjana pekerjaan berkemahiran</p>	<p><b>IV.A1.1:</b> Menggalakkan inovasi dan automasi</p>	<p>i. Mengutamakan pelaburan berkualiti tinggi untuk mewujudkan lebih banyak pekerjaan mahir</p> <p>ii. Mengkaji semula senarai industri yang layak mendapat insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MITI</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JTK KSM MED MESTECC MIDA MITI SME Corp</p>	2018-2020
			<p><b>IV.A1.2:</b> Mengenal pasti kemahiran kritikal bagi keperluan industri</p>	<p>i. Mengemas kini Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Jurang Kemahiran Kritikal di bawah Jawatankuasa Kemahiran Industri (JKI) secara berkala dalam menangani ketidakseimbangan kemahiran dan ketidakpadanan pekerjaan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MIDA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KSM MIDA MITI TalentCorp</p>	2018-2020
			<p><b>IV.A1.3:</b> Menangani kekurangan kemahiran</p>	<p>i. Mengkaji kurikulum Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan pendidikan tinggi secara berterusan supaya selaras dengan keperluan dan permintaan industri yang dinamik</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MOA MQA</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>IV.A2:</b> Meningkatkan gaji dan upah	<b>IV.A2.1:</b> Mengkaji semula dasar gaji minimum secara berterusan	i. Mengkaji semula dasar dan kadar gaji minimum setiap dua tahun sekali	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> KSM MPGN	2020
			<b>IV.A2.2:</b> Membangunkan Indeks Gaji Kebangsaan (NWI)	i. Melancarkan NWI pada tahun 2019 sebagai panduan dan penanda aras kepada majikan dalam menentukan tahap gaji yang sesuai, selaras dengan tahap kelayakan dan kemahiran pekerja	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> ILMIA KSM	2018-2020
			<b>IV.A2.3:</b> Meningkatkan produktiviti buruh	i. Memperluas pelaksanaan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) untuk memastikan upah adalah setimpal dengan produktiviti yang lebih tinggi  ii. Memperluas liputan sektor yang layak untuk pembiayaan program latihan bagi membolehkan lebih ramai pekerja dilatih di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> JPPM KSM MITI MPC PSMB PTPK	2020
		<b>IV.A3:</b> Menambah baik pengurusan pekerja asing	<b>IV.A3.1:</b> Mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah	i. Menggalakkan automasi dan mekanisasi terutama dalam sektor pembuatan dan pertanian serta menggalakkan pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) bagi sektor pembinaan  ii. Melaksanakan sistem levi berperingkat yang progresif berasaskan kepada jumlah pekerja asing yang digaji untuk mengurangkan dan mengawal selia bilangan pekerja asing dengan lebih ketat	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> CIDB ILMIA JTK KDN KKR	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				iii. Melaksanakan kajian bagi menganalisis kesan penggalan pekerja asing berkemahiran rendah ke atas sosioekonomi	KSM MIDA MITI MOA	
			<b>IV.A3.2:</b> Meningkatkan pengurusan pekerja asing	i. Menguatkuasa Inisiatif Aku Janji Majikan untuk membolehkan pengurusan yang lebih baik dan melindungi kebajikan pekerja asing ii. Meminda Akta Kerja 1955 bagi menetapkan keperluan mandatori kepada majikan agar gaji pekerja asing dibayar melalui sistem perbankan untuk mencegah eksploitasi serta memantau pengiraman wang oleh pekerja asing	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> JTK KDN KSM	2018-2020
		<b>IV.A4:</b> Menambah baik keadaan pasaran buruh	<b>IV.A4.1:</b> Menubuhkan pusat sehati perkhidmatan pekerjaan	i. Perluas fungsi pusat transformasi bandar dan pusat transformasi luar bandar sebagai pusat sehati bagi pencari pekerjaan dengan menggabungkan latihan dan perkhidmatan pepadanan pekerjaan	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> JTK KPLB KSM	2018-2020
			<b>IV.A4.2:</b> Menambah baik pangkalan data pasaran buruh	i. Memperkuh pangkalan data Biro Statistik Buruh Malaysia (MBLS) dengan mengintegrasikan data daripada pelbagai agensi kerajaan untuk memudahkan proses membuat keputusan dan penilaian dasar yang berasaskan bukti	<i>Agensi Penyelaras</i> DOSM  <i>Agensi Pelaksana</i> BNM JPA ILMIA KWSP LHDN MEA MIDA MOF PERKESO	2018-2020

**TONGGAK IV**

Memperkasa Modal Insan (m.s. 13-1 hingga 13-17)

**BIDANG KEUTAMAAN B**

Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh (m.s. 13-7 hingga 13-9)

**OUTCOME NASIONAL**

Penambahbaikan kecekapan pasaran buruh bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi

**KPI NASIONAL**

Kajian semula Undang-Undang Perburuhan agar setara dengan piawaian antarabangsa: Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967

**AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Sumber Manusia (KSM)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
2.	Memastikan pekerjaan yang berkualiti yang akan menyumbang kepada kecekapan dan produktiviti yang lebih baik <b>(m.s. 13-7)</b>	<b>IV.B1:</b> Memperkuh hak pekerja	<b>IV.B1.1:</b> Mengkaji semula undang-undang perburuhan	i. Mengkaji semula beberapa akta dan ordinan termasuk Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 serta Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> AGC JHEKS JPPM JTK KSM MP	2018-2020
			<b>IV.B1.2:</b> Melaksana secara menyeluruh Sistem Insurans Pekerjaan (SIP)	i. Melaksanakan SIP secara menyeluruh dengan cekap dan berkesan di samping menambah baik pengurusan dana	<i>Agensi Penyelaras</i> KSM  <i>Agensi Pelaksana</i> KSM PERKESO	2018-2020
		<b>IV.B2:</b> Meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh	<b>IV.B2.1:</b> Melaksana aturan kerja yang fleksibel	i. Menggalakkan pelaksanaan aturan kerja yang fleksibel dalam sektor swasta dan awam	<i>Agensi Penyelaras</i> KPWKM  <i>Agensi Pelaksana</i> JPA JTK KPWKM KSM TalentCorp	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.B2.2:</b> Meluaskan kadar minimum cuti bersalin dan meningkatkan peranan wanita dalam kepimpinan</p>	<p>i. Meminda Akta Kerja 1955 untuk meningkatkan bilangan minimum hari cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari untuk terus menyokong ibu yang bekerja di sektor swasta</p> <p>ii. Mengkaji semula peraturan kemudahan penjagaan kanak-kanak untuk memudahkan majikan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau di kawasan berhampiran</p> <p>iii. Meningkatkan peratusan sekurang-kurangnya 30% untuk penglibatan wanita dalam lembaga pengarah Syarikat Milik Kerajaan (SOE), badan berkanun dan syarikat awam tersenarai menjelang tahun 2020</p>	<p>Agensi Penyelaras KPWKM</p> <p>Agensi Pelaksana JPA JTK KPWKM KSM TalentCorp</p>	2018-2020

#### **TONGGAK IV**

Memperkasa Modal Insan (m.s. 13-1 hingga 13-17)

#### **BIDANG KEUTAMAAN C**

Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Berkualiti (m.s. 13-9 hingga 13-14)

#### **OUTCOME NASIONAL**

Peningkatan kualiti pendidikan dan latihan

#### **KPI NASIONAL**

- i. Mencapai sekurang-kurangnya setara dengan purata antarabangsa dalam penilaian TIMSS dan PISA
- ii. 2 Universiti dalam kalangan 100 teratas *QS World University Rankings*
- iii. 45% pelajar lepasan SPM (225,000) pelajar lepasan SPM mengikuti aliran TVET pada tahun 2020
- iv. Mencapai enrolmen sejagat, sekurang-kurangnya 95% bagi pendidikan prasekolah dan menengah

#### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)  
Kementerian Sumber Manusia (KSM)

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INIISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
3.	Memastikan akses yang saksama kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti dan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan yang mantap dan kemahiran yang pelbagai pada setiap peringkat pendidikan  <b>(m.s. 13-9)</b>	<b>IV.C1:</b> Meningkatkan kualiti pendidikan	<b>IV.C1.0:</b> Meningkatkan kualiti pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji semula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)</li> <li>ii. Mengkaji semula Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<b>IV.C1.1:</b> Mempertingkat pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempertingkat pembelajaran STEM berdasarkan konsep kehidupan sebenar dan aktiviti amali</li> <li>ii. Membangunkan kaedah pengajaran dan pembelajaran terkini oleh Pusat STEM Kebangsaan bagi melatih guru untuk menjadi pakar STEM</li> <li>iii. Memperkenalkan semula amali sains untuk membolehkan murid mendapat pengalaman secara langsung dan pemahaman yang lebih baik mengenai pembelajaran STEM</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM MESTECC</p>	2018-2020
			<b>IV.C1.2:</b> Meningkatkan penguasaan kemahiran Bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mempergiat penguasaan Bahasa Inggeris dan kemahiran mengajar dalam kalangan guru</li> <li>ii. Menggalakkan lebih banyak sekolah melaksanakan Program Dwibahasa (DLP)</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<b>IV.C1.3:</b> Mempertingkat kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran dan pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Meningkatkan soalan berkaitan KBAT dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), daripada 20% kepada 40% menjelang tahun 2020</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INIISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.C1.4:</b> Menggalakkan persekitaran pembelajaran maya</p>	<p>i. Membangun bahan e-pembelajaran yang lebih baik dengan kerjasama institusi pendidikan tinggi (IPT), agensi kerajaan dan institusi swasta</p> <p>ii. Mengkaji semula modul Teknologi Maklumat dan Komunikasi di sekolah</p> <p>iii. Melatih guru dengan kemahiran dan pengetahuan untuk mereka bentuk dan membangun bahan e-pembelajaran</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<p><b>IV.C1.5:</b> Mempergiat pembangunan profesionalisme berterusan untuk guru</p>	<p>i. Guru prasekolah awam dan swasta perlu memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) menjelang tahun 2020</p> <p>ii. Meneruskan Kursus Kelayakan Profesional Kepimpinan Pendidikan Kebangsaan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> JKM KEMAS KPLB KPM KPWKM PERPADUAN</p>	2018-2020
			<p><b>IV.C1.6:</b> Meningkatkan kualiti siswazah dan program akademik</p>	<p>i. Menjajar semula dan menghapuskan program berimpak rendah</p> <p>ii. Mempergiat penglibatan pemain industri dalam pembelajaran dan pengajaran (P&amp;P)</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM Semua Kolej Komuniti</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Melaksana <i>Integrated Graduate Employability Structured Programme (I-GESP)</i></li> <li>iv. Mempertingkatkan pelaksanaan program latihan industri dan pensijilan industri untuk pelajar</li> <li>v. Memupuk kemahiran keusahawanan</li> <li>vi. Memperkukuh keupayaan penyelidikan di IPT</li> <li>vii. Mengguna pakai <i>Framing Malaysian Higher Education 4.0: Future-Proof Talents</i></li> </ul>	<p>Semua Politeknik Semua Universiti Awam</p>	
			<p><b>IV.C1.7:</b> Mencapai kecemerlangan tadbir urus bagi institusi pendidikan tinggi</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memanfaat status autonomi universiti awam dan mencapai kedudukan kewangan yang mampan</li> <li>ii. Mempelbagai sumber pendapatan termasuk mewujudkan kumpulan wang endowmen</li> <li>iii. Menyediakan perkhidmatan perundingan</li> <li>iv. Memperkenal mekanisme pembiayaan berasaskan prestasi, keutamaan nasional dan inovasi</li> <li>v. Mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM Semua Kolej Komuniti Semua Politeknik Semua Universiti Awam</p>	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>IV.C2:</b> Mengutamakan kualiti berbanding kuantiti dalam TVET	<b>IV.C2.1:</b> Mengkaji semula penawaran program	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengkaji semula program sedia ada dengan menghentikan program berimpak rendah</li> <li>ii. Memberi tumpuan kepada program yang mempunyai kebolehpasaran tinggi dan menghusus kepada bidang tujuhan</li> <li>iii. Memberi tumpuan untuk menaik taraf peralatan dan mesin berbanding membina institusi baharu</li> <li>iv. Mewujudkan pusat kecemerlangan bagi membolehkan pemain industri bekerjasama membangunkan program latihan yang memenuhi keperluan industri</li> <li>v. Mempregiat usaha untuk membolehkan kerjasama industri, terutama dalam mereka bentuk kurikulum dan penyampaian program latihan</li> <li>vi. Melaksanakan usaha bersepadu dalam melangkah ke hadapan untuk merasionalisasi TVET, termasuk mengoptimumkan kapasiti institusi TVET sedia ada</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MOA MQA</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.C2.2:</b> Melaksana sistem akreditasi yang diharmonikan</p>	<p>i. Melaksana sistem akreditasi yang diharmonikan dan jaminan kualiti melalui penggunaan Kod Amalan Akreditasi Program TVET di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang telah disemak semula</p> <p>ii. Mengharmonikan pelbagai sistem penarafan merentas institusi TVET awam dan swasta bagi meningkatkan kebolehbandingan antara institusi</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MOA MQA MTUN</p>	2018-2020
			<p><b>IV.C2.3:</b> Memperkuh TVET sebagai laluan pendidikan pilihan</p>	<p>i. Mempergiat aktiviti promosi yang berkesan untuk meningkatkan daya tarikan pekerjaan berkaitan teknikal dan vokasional, terutama dalam kalangan generasi muda</p> <p>ii. Melibatkan industri dalam pengambilan pelajar dan penempatan pekerjaan untuk menjamin lepasan TVET mendapat pekerjaan</p> <p>iii. Memperkuh aliran TVET dengan menyediakan laluan pendidikan yang lebih baik untuk pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi</p> <p>iv. Menyelaras bilangan kursus di institusi Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) untuk memenuhi permintaan terhadap TVET</p> <p>v. Meningkatkan bilangan program sarjana muda MTUN kejuruteraan teknologi daripada 50% kepada 75% menjelang tahun 2020</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MITI MOA MQA MTUN</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
		<b>IV.C3:</b> Menambah baik pendidikan untuk semua rakyat	<b>IV.C3.1:</b> Memperkukuh usaha meningkatkan prestasi sekolah	<p>i. Menempatkan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah+ (SISC+) dan Rakan Peningkatan Sekolah+ (SIPartners+) terutama di kawasan pedalaman dan terpencil untuk menambah baik outcome murid</p> <p>ii. Mempertingkatkan kemahiran pengurusan pemimpin sekolah bagi memastikan setiap sekolah memiliki pemimpin yang berkualiti tinggi dan pasukan kepimpinan yang berkeupayaan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<b>IV.C3.2:</b> Menambah baik infrastruktur sekolah untuk pembelajaran murid yang lebih baik	<p>i. Menambah baik atau menaik taraf 400 sekolah daif di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak</p> <p>ii. Mengenal pasti dan mendaftar sekolah agama yang daif sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan bagi membolehkan sekolah tersebut menerima bantuan dan mempertingkatkan kualiti pendidikan</p> <p>iii. Menambah baik infrastruktur di sekolah sedia ada dan tidak memberi tumpuan secara berterusan untuk membina sekolah baharu</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM MARA</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.C3.3:</b> Mengurangkan kadar keciciran</p>	<p>i. Melaksanakan pendekatan kolaboratif dengan pihak berkuasa tempatan dan pemimpin komuniti untuk membantu sekolah dalam usaha mengurangkan kadar keciciran dan mengenal pasti kanak-kanak umur persekolahan yang tidak pernah bersekolah</p> <p>ii. Mengenal pasti murid yang berisiko untuk tercicir dan melaksanakan inisiatif untuk mengekalkan murid dalam sistem persekolahan</p> <p>iii. Meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai manfaat menghantar anak ke sekolah bagi mengikuti pendidikan wajib selama enam tahun untuk semua kanak-kanak warganegara Malaysia</p> <p>iv. Menambah baik pedagogi Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral secara berterusan</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<p><b>IV.C3.4:</b> Menambah baik pendidikan bagi murid pendidikan khas</p>	<p>i. Meningkatkan kapasiti dalam mendidik murid pendidikan khas di sekolah pendidikan khas, program pendidikan khas integrasi dan program pendidikan inklusif</p> <p>ii. Menilai ketersediaan kemudahan sedia ada untuk membolehkan murid pendidikan khas menerima pendidikan yang sesuai berdasarkan keperluan pembelajaran</p> <p>iii. Mempertingkatkan pendidikan khas yang melibatkan intervensi awal, latihan untuk guru dan penyediaan peralatan di bilik darjah</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020

#### **TONGGAK IV**

Memperkasa Modal Insan (m.s. 13-1 hingga 13-17)

#### **BIDANG KEUTAMAAN D**

Memupuk Jalanan Industri-Akademia yang Lebih Kukuh (m.s. 13-14 hingga 13-16)

#### **OUTCOME NASIONAL**

Pengukuhan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan

#### **KPI NASIONAL**

- i. 85% lepasan TVET mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian
- ii. 80% siswazah mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian
- iii. 10% daripada perbelanjaan mengurus universiti awam menggunakan sumber dalaman

#### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)  
Kementerian Sumber Manusia (KSM)

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
4.	Meningkatkan mutu pendidikan dan latihan bagi menghasilkan modal insan yang berkualiti <b>(m.s. 13-14)</b>	<b>IVD1:</b> Membangunkan kemahiran yang relevan dengan industri	<b>IV.D1.1:</b> Menambah baik program berasaskan industri	<p>i. Melaksana program latihan berdasarkan kursus modular dan latihan jangka pendek, khususnya persijilan profesional yang diiktiraf oleh industri</p> <p>ii. Melaksana kempen untuk mempromosi program <i>bridging</i> bagi menggalakkan lagi penyertaan pihak industri dan lepasan TVET</p> <p>iii. Menggalakkan institusi TVET awam untuk melibatkan industri secara aktif dalam melaksana kursus modular dan program latihan yang fleksibel melalui program pembiayaan kompetitif dan geran padanan</p> <p>iv. Memperluas Sistem Latihan Dual Nasional kepada lebih banyak institusi TVET awam untuk memacu kerjasama yang lebih erat dengan industri</p> <p>v. Menggalakkan institusi TVET untuk mempelajari dan menerima pakai amalan terbaik daripada Jepun, khususnya melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran</p> <p>vi. Menggalakkan industri untuk menyediakan lebih banyak program latihan perantisan kepada pelajar TVET ke arah menghasilkan lepasan TVET yang bersedia menyertai industri</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MOA MQA MTUN PTPK</p>	2018-2020


BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.D1.2:</b> Meningkatkan kebolehpasaran lepasan TVET</p>	<p>i. Menetapkan sasaran 85% kebolehpasaran lepasan TVET untuk mengukur kualiti dan prestasi institusi TVET awam dalam melahirkan lepasan TVET yang berkemahiran</p> <p>ii. Menerapkan komponen keusahawanan sebagai sebahagian daripada modul pembelajaran bagi menyediakan lepasan TVET dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi pencipta pekerjaan</p> <p>iii. Mengenal pasti kompetensi yang bersesuaian dan mendapat permintaan tinggi melalui kerjasama berterusan dengan industri, khususnya, dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum TVET</p> <p>iv. Memperluas program Latihan Sangkutan Industri untuk tenaga pengajar TVET</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> CIDB JPK JPPKK JTM KBS KKR KPLB KPM MARA MITI MOA MQA MTUN</p>	2018-2020
			<p><b>IV.D1.3:</b> Mengiktiraf teknologis sebagai profesional</p>	<p>i. Menaik taraf kompetensi pengamal TVET menerusi Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) melalui persijilan yang diiktiraf</p> <p>ii. Mempertingkatkan usaha untuk menggalakkan latihan profesional dalam bidang berkaitan teknologi dan teknikal</p> <p>iii. Menjadi platform perhubungan yang menggalakkan kerjasama dan perkongsian dalam kalangan ahli</p> <p>iv. Memperkasakan Panel Pakar Teknologi di bawah MBOT</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> MESTECC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> MBOT MESTECC</p>	2018-2020

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.D1.4:</b> Mempergiat kerjasama industri-akademia</p>	<p>i. Mempergiat kerjasama industri-akademia selaras dengan model <i>quadruple helix</i></p> <p>ii. Memperluas Program Pusat Kecemerlangan Industri (iCoE) dan Program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN)</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM MITI</p>	2018-2020
			<p><b>IV.D1.5:</b> Memperluas skim Latihan Bakal Pekerja (FWT)</p>	<p>i. Memperluas Skim FWT di bawah PSMB untuk menggalakkan latihan prapekerjaan</p> <p>ii. Mengadakan kerjasama dengan industri bagi melengkapkan bakal pekerja dengan kemahiran yang relevan</p> <p>iii. Memberikan tumpuan khas kepada program latihan berkaitan pendigitalan, automasi dan mekanisasi</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KSM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KSM PSMB PTPK</p>	2018-2020
	<p><b>IV.D2:</b> Mengalakkan sumbangan masyarakat dan industri</p>		<p><b>IV.D2.1:</b> Memperkukuh sokongan masyarakat untuk pendidikan</p>	<p>i. Memperkukuh kerjasama yang lebih erat dengan sektor swasta, termasuk perusahaan sosial dan masyarakat sivil terutama melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR)</p> <p>ii. Menyokong program pengayaan dan aktiviti kokurikulum tambahan</p> <p>iii. Mempergiat penglibatan persatuan ibu bapa dan guru serta alumni sekolah dari segi pembiayaan, kerja sukarela dan khidmat pakar</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM KPLB KPWKM PERPADUAN</p>	2018-2020



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<p><b>IV.D2.2:</b> Memperluas kerjasama awam-swasta</p>	<p>i. Memperluas Program Sekolah Amanah kepada sekurang-kurangnya 90 sekolah menjelang tahun 2020</p> <p>ii. Memperluas program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) kepada 1,000 sekolah menjelang tahun 2020 dan semua sekolah menjelang tahun 2025</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020
			<p><b>IV.D2.3:</b> Memfaatkan sumbangan dan membangunkan wakaf yang mampan</p>	<p>i. Meneruskan jangkauan ke industri dan alumni</p> <p>ii. Membangunkan wakaf</p>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KPM</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> KPM</p>	2018-2020

*(Muka surat ini dibiarkan kosong)*



Mempertingkat Kemampuan  
Alam Sekitar melalui  
Pertumbuhan Hijau



#### **TONGGAK V**

Mempertingkatkan Kemampunan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau (m.s. 14-1 hingga 14-19)

#### **BIDANG KEUTAMAAN A**

Memperkuh Tadbir Urus (m.s. 14-1 hingga 14-10)

#### **OUTCOME NASIONAL**

Peningkatan persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau

#### **KPI NASIONAL**

- i. Penggubalan Akta Perlindungan Alam Sekitar bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Alam Sekitar
- ii. Pembangunan *Sustainable Development Goals (SDG) Data Monitoring Dashboard* bagi mengukur dan menilai kemajuan pelaksanaan SDG di Malaysia
- iii. Penyediaan *Air Emission Account* dan *Land Account* bagi *System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)* untuk menyokong penilaian pertumbuhan hijau
- iv. Penganjuran program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)* berkaitan sumber asli dan alam sekitar

#### **AGENSI PENYELARAS BIDANG KEUTAMAAN**

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC)



BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
1.	Memudah cara peralihan ke arah pertumbuhan hijau dan pengurusan sumber yang lebih baik <b>(m.s. 14-7)</b>	<b>V.A1:</b> Memperkukuh rangka kerja dasar, perundangan dan institusi	<b>V.A1.1:</b> Mempertingkatkan dasar dan perundangan berkaitan alam sekitar	<p>i. Mengkaji semula dasar, perundangan, standard dan garis panduan sedia ada secara berterusan dan ditanda aras dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa seperti:</p> <p>a. Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) dan Akta Perhutanan Negara 1984</p> <p>b. Dasar Alam Sekitar Negara 2002</p> <p>c. Dasar Sumber Air Negara 2012</p> <p>d. Rancangan Zon Pesisir Pantai</p> <p>e. Akta Perikanan 1985</p> <p>ii. Menggubal dasar, perundangan, peraturan, garis panduan dan pelan tindakan yang baharu:</p> <p>a. Dasar mengenai pengurusan maklumat geospasial</p> <p>b. Dasar mengenai pengurusan risiko bencana</p> <p>c. Perundangan mengenai perlindungan alam sekitar</p> <p>d. Peraturan mengenai buangan peralatan elektrik dan elektronik terjadual</p> <p>e. Peraturan mengenai kawalan pencemaran tanah</p>	<p>Agensi Penyelaras</p> <p>KATS</p> <p>KPKT</p> <p>MESTECC</p> <p>MOA</p> <p>Agensi Pelaksana</p> <p>DOF</p> <p>FRIM</p> <p>JAS</p> <p>JH Sarawak</p> <p>JP Sabah</p> <p>JPSM</p> <p>JSPSN</p> <p>JTLM</p> <p>KATS</p> <p>MESTECC</p> <p>NADMA</p> <p>PLANMalaysia</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak V : Mempertingkat Kemampunan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
				<p>f. Peraturan mengenai penguatkuasaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• sisa daripada aktiviti pembinaan</li> <li>• sisa daripada aktiviti komersial, industri dan institusi</li> <li>• pelesenan untuk perkhidmatan pemungutan sisa pembinaan</li> <li>• pelesenan untuk perkhidmatan pemungutan sisa bagi aktiviti komersial, industri dan institusi</li> </ul> <p>g. Garis panduan mengenai strategi pelupusan bagi pengurusan sisa terjadual kenderaan terbiar</p> <p>h. Garis panduan mengenai pengumpulan dan kitar semula buangan peralatan elektrik dan elektronik terjadual</p> <p>i. Garis panduan yang selaras dengan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang ditetapkan) 2015 untuk menambah baik Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA)</p> <p>j. Pelan tindakan mengenai mitigasi dan adaptasi perubahan iklim pada peringkat nasional</p>		

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
			<b>V.A1.2:</b> Memperkuhukh rangka kerja institusi	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan penyelarasan yang lebih baik berhubung perkara berkaitan tenaga, alam sekitar, sumber asli, perubahan iklim dan teknologi hijau</li> <li>ii. Mengkaji semula struktur dan fungsi Majlis Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Iklim</li> <li>iii. Memastikan pengurusan yang lebih menyeluruh mengenai sumber asli dan perkara berkaitan air</li> <li>iv. Mengkaji semula struktur dan fungsi Majlis Air Negara dan penubuhan majlis pada peringkat negeri</li> <li>v. Meneliti kaedah untuk mengoptimum penggunaan infrastruktur berkaitan air</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KATS MESTECC</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> FRIM JBA JKPTG JMG JPS JPSM KATS MESTECC PERHILITAN SPAN</p>	2018-2020
	<b>V.A2:</b> Menambah baik kapasiti dan keupayaan, penguatkuasaan dan pemantauan		<b>V.A2.1:</b> Mempertingkat kapasiti dan keupayaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membangunkan kompetensi, kepakaran penyelidikan dan teknikal serta pengetahuan baharu dan saintifik dalam bidang berkaitan sumber asli dan alam sekitar</li> <li>ii. Mempertingkat kapasiti dan keupayaan institusi melalui pemindahan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan agensi</li> <li>iii. Mengukuhkan kerjasama dengan agensi antarabangsa</li> </ul>	<p><i>Agensi Penyelaras</i> KATS MESTECC MOA NADMA</p> <p><i>Agensi Pelaksana</i> DOA DOF FRIM IMR KATS KDN KKR KPKT MARDI MESTECC MPI NADMA NAHRIM</p>	2018-2020

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak V : Mempertingkat Kemampunan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

**Pelan Pelaksanaan Dasar**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas  
Tonggak V : Mempertingkatkan Kemampunan Alam Sekitar melalui Pertumbuhan Hijau

5-6

BIL	KENYATAAN DASAR	STRATEGI	INISIATIF	TINDAKAN YANG DIPERLUKAN	KEMENTERIAN / AGENSI	TEMPOH MASA
